Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kedudukan guru<sup>2</sup> sekolah kebangsaan yang bergerak chergas dalam parti politik sa-bagaimana yang telah di-bangkitkan oleh sahabat saya wakil dari Bachok sa-malam. Bagi menegaskan lagi tentang soal siaran yang di-keluarkan oleh Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu tentang tidak boleh-nya guru<sup>2</sup> mengambil bahagian dalam parti politik. Saya ada memetek daripada satu siaran yang di-keluarkan pada 3-2-59 kemudian diperbarui oleh Pejabat Pelajaran Kelantan pada 18-7-60 yang mana dalam siaran itu tegas menyebutkan : saya bachakan daripada paragraph dua hingga akhir bunyi-nya :

"Maka telah nyata-lah dalam peratoran<sup>2</sup> ini bahawa sa-saorang guru Kerajaan hendak-lah jangan membenarkan pergerakan politik yang menghalang atau menahan diri-nya menjalankan kewajipan dengan sa-penoh-nya sa-bagai sa-orang guru. Ada-lah di-fikirkan patut dan kena peratoran ini pada semua jenis guru baik guru Kerajaan mahu pun bukan Kerajaan ia-itu guru yang

gaji-nya sama ada semua atau sa-bahagian yang di-ambil daripada hasil Kerajaan ya'ani semua guru<sup>2</sup> yang dalam sekolah bantuan penoh dan yang tidak penoh.

Oleh yang demikian, di-putuskan bahawa Kementerian tidak akan membayar wang bantuan kapada sa-saorang dengan sebab ia mengambil bahagian dalam kerajaan tempatan atau lain<sup>2</sup> pergerakan politik atau memegang jawatan politik dalam lembaga tempatan negeri atau Persekutuan tergalang daripada menjalankan kewajipan-nya sa-bagai sa-orang guru dengan chekап atau pun sa-penoh, juma'ah pengelola, pengurus hendak-lah di-beri tahu bahawa guru yang sa-umpama itu hendak-lah membuat keputusan sama ada berhenti sementara dalam jawatan guru-nya atau meletakkan jawatan kerajaan tempatan atau pun jawatan politik."

Surat siaran ini di-tanda tangani oleh Setia Usaha Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan bagini tegas-nya kandongan siaran daripada Kementerian ini, maka terkejut kita manakala pemergian Menteri Pelajaran ka-Kelantan baharu<sup>2</sup> ini yang telah membawa satu falsafah baharu dalam kaedah membenarkan guru<sup>2</sup> ini berpolitik. Sa-malam sahabat saya wakil dari Bachok mencheritakan bagaimana Menteri Pelajaran itu pergi ka-Bachok; hari ini saya akan cheritakan bagaimana Menteri Pelajaran itu pergi ka-Kota Bharu. Dalam satu perjumpaan di-antara Menteri Pelajaran dengan beberapa orang guru<sup>2</sup> pelawat dan ada sa-orang pegawai yang pangkat-nya lebih besar daripada guru pelawat itu telah memberi satu arahan, perangsang dan semangat supaya mereka itu mengambil bahagian politik dalam U.M.N.O. mengingatkan supaya kekuatan U.M.N.O. dapat di-kembalikan dalam negeri Kelantan, dan mengharapkan supaya muka baharu akan lahir dalam U.M.N.O. dan memberi jaminan bahawa kedudukan pangkat mereka itu terjamin sebab yang berchakap itu Menteri Pelajaran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada suggestion yang di-keluarkan oleh Menteri Pelajaran ini berbangkit-lah akibat<sup>2</sup> yang tidak di-ingini. Satu daripada bukti-nya yang saya dapat nyatakan ia-lah pada 18-11-60 pukul 3 petang bertempat di-Rest House, Tumpat, telah berlaku satu meshuarat bagi menubohkan U.M.N.O. bahagian Tumpat yang baharu, pemimpin<sup>2</sup> yang hadir kerana menubohkan U.M.N.O.

itu termasok beberapa orang guru pelawat yang saya tidak mahu menyebutkan nama-nya, dan sa-orang yang pangkat-nya lebuh tinggi daripada guru pelawat di-dalam uchapan-nya membayangkan benar<sup>2</sup> ia-itu meminta kerjasama guru<sup>2</sup> itu supaya chergas dalam bahagian politik. Soal kena buang atau tidak, itu tanggongan Menteri Pelajaran. Maka di-lantek-lah pegawai<sup>2</sup> baru: Yang di-Pertua U.M.N.O. bahagian Tumpat ia-lah guru pelawat dalam jajahan Tumpat itu sendiri dan empat orang guru besarnya menjadi ahli jawatan-kuasa. Tuan Yang di-Pertua, hal yang seperti ini sangat-lah mendukachitakan.

Satu lagi perkara yang saya dapat akibah daripada kenyataan Menteri Pelajaran kapada guru pelawat itu telah lahir kejadian yang tidak dingini. Ada dua buah sekolah kebangsaan yang terbesar di-negeri Kelantan ada beberapa orang guru yang berkhidmat di-sana telah tertarek hati oleh jaminan<sup>2</sup> yang di-beri oleh Menteri Pelajaran supaya bergerak dalam bahagian U.M.N.O. dengan tidak payah takut kena buang kerja atau kena tahan—sebab saya Menteri Pelajaran. Mereka telah mengambil bahagian chergas sambil meninggalkan sekolah dan kerja bahkan ada sa-orang yang pangkat-nya lebuh besar daripada guru besar pernah berjalan di-Kelantan melawat ka-sekolah bukan kerja sekolah yang di-utamakan tetapi kerja U.M.N.O.—mendesak supaya menubohkan U.M.N.O. Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perbuatan yang seperti ini bukan-lah kerana saya takut U.M.N.O. itu akan kuat sa-mula oleh kerja guru<sup>2</sup> ini, tetapi yang saya bimbangkan ia-lah rosaknya dasar pelajaran negeri ini. Pehak PAS tidak takut sama sa-kali menghadapi perkembangan baru yang di-buat oleh Menteri Pelajaran dalam mengembangkan parti-nya dengan ber-sandarkan kuat-kuasa Kementerian yang ada pada-nya, sebab dahulu pun kita telah menghadapi pilehan raya dengan tidak ada menaroh takut dan bimbang kapada sa-siapa, kerana ra'ayat menjadi hakim.

Mengikut surat yang saya terima daripada sa-orang yang saya ta' payah sebutkan nama-nya kata-nya, "maka

kami harap demi kebaikan masyarakat, tuan<sup>2</sup> dapat membela dan memperjuangkan agar guru<sup>2</sup> sekolah Melayu jangan-lah menggunakan pengaroh-nya dalam jawatan-nya membela sa-barang party siasah kerana sekali pun berlaku hal ini keelokkan pentadbiran dalam segala chawangan mungkin akan bertambah burok sa-telah keperchayaan orang terhadap mereka akan tipis kelak dan akan di-pandang oleh ra'ayat tiada tempat bergantong mendorong orang ramai dalam negeri ini tidak menjalankan dasar democracy yang sa-benar".

**Mr. Speaker:** Awak mengulang<sup>2</sup>i perkara itu banyak kali. Jangan dilanggar perkara itu lagi.

**Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Jadi, Tuan Pengurus, terhadap kejadian saperti ini saya hanya meminta kapada Kementerian ini ber-lah penjelasan yang tegas di-dalam Rumah ini bahawa ada-kah guru<sup>2</sup> itu di-benar bergerak dalam party politik sa-chara tegas atau tidak. Sebab sa-lagi Menteri tidak sanggup mengeluarkan kenyataan saperti ini maka berma'analah kedudukan pelajaran di-sekolah<sup>2</sup> Kebangsaan oleh sikap guru<sup>2</sup> yang hanya bergantong kapada kuat kuasa Kementerian ini akan rosak. Oleh yang demikian, Tuan Pengurus, saya sa-kali lagi-lah merayu kapada Kementerian ini supaya kalau pergi ka-Kelantan sa-kali lagi hati<sup>2</sup>-lah sadikit mudah'an jangan-lah ada Menteri<sup>2</sup> yang chuba salah gunakan kuat kuasa-nya itu untuk party politik. Saya berchakap ini, sa-kali lagi saya tegaskan bukan kerana saya takut tetapi kerana hendak melihat dasar democracy benar<sup>2</sup> ber-jalan dalam negeri ini.

**Enche' Chin See Yin (Seremban Timor):** Mr. Speaker, Sir, I would like to refer, to page 101, items 22 to 27 regarding Organisation of Schools; secondly, to page 106, items 160 to 165, regarding Educational Measurement and Research Unit and, thirdly, to pages 106 and 107, items 166 to 183, in respect of Architect's Branch.

Sir, referring to Organisation of Schools, I would like to refer to a report which was recently published in which it was stated that about 96,000 pupils

all over the country in primary schools took the examination for entry into secondary schools. In this examination only 23,000 pupils could be certain of places in Government assisted schools; and this works out roughly to 23 per cent of passes while the remaining 77 per cent are borderline cases and others are to be thrown out into the street. Now, the number of borderline cases is 44,000 with Grade C passes and regarding these 44,000, it was stated that the State Government are now considering their cases and that merits and demerits will be given to each case. Now, this works out at about 47 per cent of those taking part in the examination, while the remaining 29,500 with grade D passes, it has been suggested, will not find any place in the schools.

Sir, another point we have got to consider is that the examination in Form III has already taken place and results are now awaited. I am sure quite the number of failures here will amount to something—several thousands or perhaps more; adding these figures, you will find a total of something like 90,000 pupils from both primary and secondary schools will be thrown into the streets in 1961. Here we have got to consider what will be the fate of these 90,000 unfortunate pupils who will be asked to leave school next year. Now the more important thing is for Government to provide accommodation of some kind to accommodate them. If not, this will create a very unhealthy state of affairs and that will not be very good for the country.

Sir, surely we all agree that education to the pupils in any democratic country is the moral responsibility of the Government. If that is the case, then I say it would not be fair just to see 90,000 boys and girls thrown into the street next year. Here again, Sir, I would like to take this opportunity to refer to a report in the *Malay Mail* dated the 13th of December. In this it was stated that five Russian teachers went to England to study the English system of education, and it was stated, on the question of school-leaving age for primary schools and about 12 or 11+examinations—this was what has

been stated and, with your permission, Sir, I would like to read just two or three paragraphs:

"The 11-plus examination was attacked by five Russian school teachers—three men and two women—who have been on a fortnight's study tour of English boarding schools.

Miss Maria Kolmakova, headmistress of a Moscow girls' boarding school, said in London, 'We find your 11-plus tests quite unacceptable.'

'We think it wrong that some children should receive a proper secondary education, and others not.'

Besides, we don't think you can possibly tell a child's ultimate capabilities at that age."

Sir, there is a lot in this suggestion. In fact, Sir, a case in point is that of Sir Winston Churchill the war-time Minister of England, and he came to the ability that was in him at a very old age. In fact, some of the Ministers in this House or the Honourable Members in this House can be interesting examples on the question of education. However, Sir, it is a fact, and sometimes painful to hear.

Now, Sir, if our education policy should be following the English pattern—and we all know that the English education policy is also very controversial in England—I am going to suggest about these 90,000 children who are going to be thrown out into the streets next year. I am referring to these three items particularly the Organisation of Schools and the Architect's Branch. Now, why should these children be thrown into the street? According to the new education policy that would come into being, it has been suggested that there will be trade schools and there will be a lot of schools—technical as well as trade schools—to accommodate boys and girls over the age of 12 or possibly 15. Now, Sir, we are going to have about 90,000 between the ages of 13 and 19 in the street next year. What accommodation have we? And we have spent a colossal sum of money in the maintenance of these two Branches in the Ministry of Education—Organisation of Schools and Architect's Branch—and if you will refer back to the Education Committee Report, 1956, on page 23, paragraph 162, it has been suggested and recommended that this

Architect's Branch should be included in the Ministry. They have started that, and in next year's estimates we find they are spending hundreds of thousands of dollars merely on this section. Now, they have been there for so many years and they should have already planned out schools in every State to accommodate these overage children who will be thrown out into the streets. They should have done long ago and it is regretful that they have not done so.

Now, the more important matter for us to consider is that when we spend money, we must know that the population of this country is fast growing, and it is the duty of the Ministry of Education to provide every accommodation that is possible to these boys and girls between the ages of 13 and 16. I hope that by our mistake this year, the next year we will have a budget that will give us plenty of money to put up more buildings, so that in every State these boys and girls, who are now told to leave school, will have a place for higher education. That is my suggestion, Sir.

**Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian ini yang telah di-jelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri di atas perkara<sup>2</sup> yang berkenaan dengan ini, sunggoh pun demikian saya ingin mendatangkan beberapa pandangan yang ikhlas mudah<sup>2</sup> an mendapat perhatian dari Yang Berhormat Menteri itu bagaimana yang difikirkan elok untuk di-perbaiki-nya.

Yang pertama sekali saya suka menarik perhatian berkenaan dengan Expatriate Officers yang mana Menteri itu tidak menyatakan ada-kah persediaan di-buat berhubung dengan Malayanisation terhadap Expatriate Officers itu. Banyak di-antara perutokan di-khaskan untuk Expatriate Officers ini. Saya berharap supaya jabatan<sup>2</sup> ini di-percepatkan dan di-beri kapada anak negeri kita sendiri untuk menjalankan tugas<sup>2</sup> bagi kepentingan negara kita.

Yang kedua berhubung dengan "Secondary Teacher Training" yang mana dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ada di-antara

guru<sup>2</sup> khas-nya yang lulus dari Sultan Idris Training College dan juga dari Maktab Perguruan Melaka, di-antara mereka ini sa-tengah daripada-nya ada mempunyai bakat<sup>2</sup> yang boleh di-beri latehan untuk menjadi guru<sup>2</sup> bagi mengajar di-Sekolah<sup>2</sup> Menengah atau darjah<sup>2</sup> yang lain. Saya suka menge-shorkan kapada Yang Berhormat Menteri supaya memberi peluang kapada guru<sup>2</sup> yang ingin hendak masuk berlatih supaya mereka itu menjadi guru<sup>2</sup> bagi mengajar di-Sekolah<sup>2</sup> Menengah, kerana kalau hendak di-bandangkan dengan soal bahasa ia-itu bahasa Melayu atau bahasa Kebangsaan maka saya percaya guru<sup>2</sup> latehan yang lain tentu susah hendak mengatasi pengetahuan mereka terhadap bahasa Kebangsaan. Di atas pengalaman mereka semenjak beberapa tahun selepas daripada latehan yang di-dapati dari Maktab itu selama 2 atau 3 tahun maka dengan yang demikian sudah tentu pengalaman-nya banyak di atas hal teknik mengajar di-sekolah<sup>2</sup> rendah. Oleh itu saya mendapat tahu bahawa kekurangan bagi mereka itu untuk mengajar di-darjah<sup>2</sup> menengah ada-lah ilmu<sup>2</sup> yang berhubung dalam sukanan pelajaran, mithal-nya pengetahuan ilmu science, algebra, geometry dan lain<sup>2</sup> lagi dan dengan yang demikian dapat-lah darjah<sup>2</sup> atau latehan<sup>2</sup> bagi guru<sup>2</sup> itu di-masukkan pelajaran<sup>2</sup> yang kekurangan bagi guru<sup>2</sup> kita itu dan dengan ini dapat-lah kita mempercepatkan lagi bagi mengadakan darjah<sup>2</sup> menengah tegas-nya Sekolah<sup>2</sup> Menengah dalam bahasa Kebangsaan.

Yang ketiga berhubung dengan Federal Inspectorate. Saya tak tahu kerja<sup>2</sup> yang di-buat oleh pegawai<sup>2</sup> yang menyiasat sekolah<sup>2</sup> itu ada-kah kerja<sup>2</sup> mereka itu memuaskan hati Yang Berhormat Menteri Pelajaran atau pun tidak. Saya harap mendapat penjelasan dan sakira-nya ada kesan<sup>2</sup> yang berfaedah maka patut-lah kita lanjutkan perkhidmatan mereka itu, jikalau tidak patut kita tinggalkan. Yang mustahak sekali di-ingatkan berkenaan dengan Pengelola Sekolah<sup>2</sup> yang mana tanggong jawab-nya terserah penoh kapada Jema'ah Pengurus. Saya berharap supaya ahli<sup>2</sup> Jema'ah Pengurus yang di-pileh atau yang di-lantek patut di-beri kursus bagaimana chara hendak

menjalankan kewajipan masing<sup>2</sup> bagi mentadbirkan sekolah<sup>2</sup> itu. Ini lebih berfaedah daripada kita adakan jawatan<sup>2</sup> untuk menyiasat sa-bagaimana Federal Inspectorate dan lain<sup>2</sup>. Sa-bahagian daripada wang itu patut di-jadikan wang peruntukan kursus satu minggu sa-kali di atas hal ehwal tata tertib, peratoran mentadbirkan dan undang<sup>2</sup> berkenaan dengan hal sekolah maka dengan ini dapat-lah di-fahamkan oleh Jema'ah<sup>2</sup> Pengurus dengan ini sekolah<sup>2</sup> itu dapat dilaksanakan pentadbiran-nya dengan lichin dan kemas dan juga saya fikir tak payah di-adakan Federal Inspectorate kerana di-sekolah telah ada Guru<sup>2</sup> Pelawat yang sama<sup>2</sup> mengambil report atau pun mengambil apa<sup>2</sup> kerja yang tak berjalan dengan sempurna-nya dan di-beri laporan kapada pejabat yang berkenaan.

Pada fikiran saya lebih baik dibanyakkan bagi Guru<sup>2</sup> Pelawat untuk menjadi penolong kepada Penyelia atau pun Pegawai<sup>2</sup> Pelajaran Negeri.

Muka 120, sub-head 6—Examination Expenses. Di-sini saya dapat murid<sup>2</sup> yang hendak masok peperek-saan darjah menengah khas dalam Sekolah<sup>2</sup> Kebangsaan yang di-kenakan bayaran sa-banyak \$3 dan ada di-antara murid<sup>2</sup> itu yang saya dapat sa-tengah daripada-nya tak mampu hendak membayar-nya dan juga sa-tengah<sup>2</sup> warith mereka itu tak tahu apa-kah guna-nya di-adakan peperek-saan ini, apa-kah maksud dan tujuannya di-adakan? Oleh yang demikian banyak daripada murid<sup>2</sup> yang tak masok peperek-saan untuk pergi ka-sekolah menengah, sebab mereka itu jikalau masok pun harus nasib mereka pada masa kahadapan tak terjamin atau pun tak terlintas di-hati mereka itu peluang untuk melanjutka n pelajaran atau pun di-sebabkan oleh warith<sup>2</sup> mereka itu tak ada wang atau dengan sebab tidak di-beri penjelasan dengan sepenuh<sup>2</sup> nya kepada warith<sup>2</sup> kanak<sup>2</sup> itu berkenaan dengan peperek-saan untuk masok Sekolah Menengah.

Oleh yang demikian saya berharap jikalau boleh di-buka peluang kapada sekali an murid<sup>2</sup> itu dengan tidak terkechuali bagi memasuki peperek-saan dan yang mana lulus dengan mendapat markah yang tinggi sekali

di-pileh bagi memasuki Sekolah Menengah di-samping itu di-beri sijil kelulusan kapada mereka itu. Berkenaan dengan bayaran-nya saya fikir tak payah-lah di-kenakan sa-banyak \$3 pada tiap<sup>2</sup> murid<sup>1</sup>, kalau boleh beri-lah perchuma kapada mereka itu dan dengan yang demikian tentu-lah banyak di-antara murid<sup>2</sup> yang chenderong hendak masok Sekolah Mene-nah. Nanti tentu-lah ada perlumbaan di-antara satu dengan lain dan dengan itu dapat-lah mutu atau nilai pelajaran di-tinggikan dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan "Part-Time Training Courses" telah di-untokkan sa-banyak \$400,000. Latehan mingguan kapada guru<sup>2</sup> yang sedang mengajar di-sekolah<sup>2</sup>, saya harap supaya di-adakan satu peruntukan kecil bagi latehan khas untuk guru<sup>2</sup> ugama yang kita akan adakan pada tahun hadapan ini ia-itu di-adakan sa-minggu sa-kali dengan mengadakan guru<sup>2</sup> yang bijak untuk melatih guru<sup>2</sup> ini mengenai teknik mengajar dalam hal ehwal mata pelajaran ugama kapada murid<sup>2</sup> yang mereka itu terpaksa mengajar di-sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Dengan jalan ini murid<sup>2</sup> yang lulus darjah menengah 'Arab boleh-lah di-ambil berkhidmat sa-bagai guru<sup>2</sup> ugama, khas-nya di-tempat saya yang mana saya harap mendapat latehan yang baik.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan "Grants to Secondary Residential Schools." Saya per-chaya dalam hal ini tentu-lah ada di-masukkan berkenaan dengan latehan sekolah lanjutan kampong dan kolej teknikal. Tuan Yang di-Pertua, ke-banyakannya daripada murid<sup>2</sup> yang telah lulus, apabila mereka itu balek ka-kampong-nya terbiar bagitu sahaja, tidak ada harapan bagi mereka itu memchari kehidupan-nya. Saya harap adakan satu jawatan-kuasa atau pentadbiran khas untuk menawarkan kapada pejabat<sup>2</sup> atau pun kilang<sup>2</sup> perusahaan supaya menerima mereka ini bekerja, atau pun melanjutkan latehan-nya sa-hingga mereka dapat berdiri dengan sendiri.

Sa-lain daripada itu, saya hendak berchakap berkenaan dengan "Grants

for Religious Instruction in Assisted Primary and Secondary Schools" yang mana telah di-untokkan sa-banyak \$2½ juta. Saya menguchapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana mengadakan peruntukan ini. Tetapi saya hendak tahu wang ini di-beri kepada siapa, ada-kah wang ini di-serahkan kepada Pejabat Pelajaran atau kepada Majlis Ugama bagi tiap<sup>2</sup> negeri? Dan juga siapa-kah yang bertanggong jawab menerima guru ugama ini, ada-kah di-serahkan kepada Juma'ah Pengurus atau kepada Majlis Ugama bagi tiap<sup>2</sup> negeri atau kepada Pejabat Pelajaran? Dan ada-kah Pejabat Pelajaran telah menyediakan tangga gaji atau "schemes of service" bagi semua guru<sup>2</sup> atau bakal guru ugama yang akan di-terima oleh Kerajaan? Jika tidak ada tangga gaji harus boleh jadi: Pulau Pinang buat tangga gaji lain dan lain<sup>2</sup> negeri buat tangga gaji lain, jadi di-kalangan guru<sup>2</sup> ini akan timbul satu perasaan yang tidak di-ingini ia-itu dengki mendengki di-antara satu sama lain. Saya harap adakan satu tangga gaji yang khas bagi seluroh Persekutuan, dan juga saya hendak tahu ada-kah bakal guru itu di-terima terus berkhidmat sa-bagai kaki tangan kerajaan sa-hingga mendapat penshen atau pun buat sementara sahaja? Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh, kerana di-Pulau Pinang telah siap di-atorkan ranchangan ini, mudah<sup>2</sup>an kita dapat laksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran.

Sekarang saya berpaling pada Sub-head 95 ia-itu berkenaan dengan buku bacaan sa-bagaimana yang telah di-chakapkan oleh beberapa Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat tadi. Saya suka menegaskan supaya di-banyakkan lagi buku<sup>2</sup> bacaan ini, buku bacaan yang di-gunakan oleh guru itu kurang, oleh sebab itu tentu-lah murid<sup>2</sup> tidak dapat maju dalam pelajaran mereka itu. Ada satu perkara yang mustahak yang hendak saya chakapkan ia-lah berkenaan dengan pentadbiran sekolah kebangsaan. Kalau kita bandingkan dengan sekolah Inggeris jauh beza-nya. Mithal-nya, ada di-antara sekolah kebangsaan yang murid-nya sampai 600-800 orang ramai-nya. Guru Besarnya sa-lain d a r i p a d a menjalankan tugas-nya, ia juga menjadi kerani dan

peon. Oleh itu, dalam perkara ini saya suka menarek perhatian Menteri Yang Berhormat ia-itu tiap<sup>2</sup> sekolah yang murid<sup>2</sup>-nya lebeh daripada 500 orang hendak-lah di-adakan sa-orang kerani untuk menjalankan urusan tulis-menulis yang pada masa ini di-buat oleh guru<sup>2</sup> besar itu.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan ranchangan kita hendak mengadakan Sekolah Pusat. Sementara kita membuat persediaan mengadakan darjah<sup>2</sup> menengah bagi Sekolah Pusat yang di-jadualkan itu, adakan-lah dua tiga darjah menengah dalam satu<sup>2</sup> tempat itu manakala kita laksanakan ranchangan pelajaran dalam tahun 1962, dapat-lah murid<sup>2</sup> itu melanjutkan pelajaran mereka dalam sekolah menengah. Saya harap sekolah di-dalam kawasan saya ia-itu Kepala Batas Primary English School hendak-lah di-adakan dua darjah menengah, kerana kalau pergi belajar ka-Bukit Mertajam jauh hampir<sup>2</sup> 20 batu; di-Sekolah Kepala Batas ini berkenaan dengan guru dan tempat tidak ada apa<sup>2</sup> kerumitan.

*Sitting suspended at 11.40 a.m.*

*Sitting resumed at 11.50 a.m.*

*(Mr. Speaker in the Chair)*

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

*(Mr. Speaker in the Chair)*

Debate resumed on Question;

That the sum of \$189,417,677 for Head 18 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

**Tuan Syed Esa bin Alwee (Batu Pahat Dalam):** Tuan Yang di-Pertua, kalau di-bandtingkan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pelajaran di-antara tahun 1960 dengan 1961, di-dapati tahun ini perbelanjaan-nya banyak. Jabatan ini sangat mustahak, kerana memberi pelajaran dan pendidekan kapada ra'ayat dalam negeri ini; kema'amoran, kesentosaan serta kesenangan penduduk<sup>2</sup> dalam negeri ini bergantong atas keadaan penduduk dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam Kementerian ini saya suka memberi sadikit pandangan. Dalam Kementerian Pelajaran ini ada

bermacham<sup>2</sup> peringkat pegawai seperti pemereksa, pengelola sekolah dan lain<sup>2</sup> yang melawat sekolah pada sa-tiap masa. Saya dapat melawat ini bila melawat sekolah kebanyakannya hanya melawat sekolah itu sahaja. Pada pendapat saya pelawat atau pengelola sekolah itu patut-lah bila melawat sa-satu sekolah itu bukan sahaja melawat tetapi memberi panduan kepada guru<sup>2</sup> di-situ dan menengok serta bertanya apa<sup>2</sup> yang di-kehendaki oleh guru<sup>2</sup> di-sekolah itu supaya dapat ia membaiki sekolah yang di-lawati-nya itu.

Sa-lain daripada itu, saya hendak berchakap berkenaan dengan Office Boy. Biasa-nya, office boy ini diambil daripada kanak<sup>2</sup> yang berumur 16 tahun, kemudian di-suroh mereka belajar bahasa Inggeris, dan apabila mereka berumur 18 tahun mereka terpaksa di-berhentikan. Saya fikir peratoran ini patut di-ubah, ia-itu kalau sa-kira-nya office boy ini dalam masa dua tahun itu boleh berchakap bahasa Inggeris sadikit<sup>2</sup>, molek-lah office boy ini di-tukarkan ka-tempat lain, mithal-nya, menjadi postman dan kerani; dengan jalan itu saya fikir office boy ini dapat berkhidmat dalam jabatan kerajaan.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan asrama. Sa-bagaimana yang kita sedia ma'alum, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu tiap<sup>2</sup> tahun ramai kanak<sup>2</sup> yang menuntut di-sekolah Inggeris dalam bandar, yang sa-tengah<sup>2</sup> d a r i p a d a sa-tengah-nya kanak<sup>2</sup> ini datang daripada kampong yang jauh-nya berpuloh<sup>2</sup> batu dan ada yang menumpang di-rumah orang yang kadang<sup>2</sup> menggendalakan pelajarannya. Oleh itu, pada fahaman saya molek-lah Kementerian ini memerhati dan menyiasat kira-nya dapat di-adakan asrama pada tempat<sup>2</sup> yang mustahak supaya dapat-lah anak<sup>2</sup> kampong yang menuntut di-sekolah Inggeris tinggal di-situ sa-bagaimana sa-tengah<sup>2</sup> sekolah itu dapat asrama pada masa ini.

Berhubong dengan Student Teachers' Allowance sa-bagaimana yang disebutkan dalam Sub-head 24, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini pun kanak<sup>2</sup> ramai datang sekolah, di-sa-tengah<sup>2</sup> sekolah itu murid-nya ramai

tetapi guru-nya kurang, sa-tengah<sup>2</sup> darjah itu sampai 70-80 orang di-ajar oleh sa-orang guru. Pada pendapat saya sa-orang guru yang mengajar 70-80 orang itu tentu-lah tidak dapat menyiapkan kerja-nya dengan betul. Oleh itu, Estimates ini molek-lah ditambah lagi supaya kita dapat banyak lagi guru<sup>2</sup> muda yang akan berkhidmat di-sasatu tempat itu, sa-lain daripada itu, apabila guru<sup>2</sup> muda ini telah bekerja sa-lama 1-2 tahun dan didapati bagus, molek-lah di-timbangkan perkhidmatan-nya sa-lama itu.

Sekarang saya berpaling pada Sub-head 26, ia-itu berkenaan dengan Training Rural Trade School Staff. Pada fahaman saya kanak<sup>2</sup> yang telah lulus darjah enam di-kampung itu patut-lah di-lateh dengan apa<sup>2</sup> juga pelajaran yang patut di-pelajari di-kampung<sup>2</sup> itu. Saya suka menyatakan dalam negeri Johor ada dua tempat ia-itu Bandar Penggaran dan Kluang telah ada Trade School yang lengkap dengan perkakas<sup>2</sup>-nya yang di-pesan dari E r o p a h, tetapi malang-nya, kedua<sup>2</sup> sekolah ini di-tutup. Jadi kanak<sup>2</sup> yang belajar di-situ hilang masa dengan bagitu sahaja. Saya harap perkara ini ada dalam ma'aluman Kementerian dan menyiasat kedua<sup>2</sup> sekolah itu.

Berkenaan dengan Grants for Religious Instruction in Assisted Primary and Secondary Schools telah di-untokkan sa-banyak \$2,500,000. Perkara ini sangat mustahak bagi latehan ugama di-sekolah<sup>2</sup> menengah dan rendah. Dengan jalan latehan u g a m a itu kelak kanak<sup>2</sup> itu d a p a t mensesuaikan diri mereka dengan keadaan zaman yang ada pada masa ini. Saya suka menarek perhatian, Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri Johor ada-lah pelajaran ugama ini boleh di-bedzakan dengan lain<sup>2</sup> tempat, kerana pada sa-belah pagi kanak<sup>2</sup> itu dapat belajar bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan, dan di-sabelah petang-nya ia-itu daripada pukul 1½ sampai 4 belajar ugama. Saya fikir kalau di-ator dan di-susun dapat-lah kanak<sup>2</sup> Islam mempelajari ugama dengan chukup lengkap-nya.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya

perchaya Dewan Bahasa ini di-sanjong tinggi oleh penduduk negeri ini, kerana daripada Dewan Bahasa ini dapat mengadakan buku<sup>2</sup> untuk sekolah<sup>2</sup> menengah dan rendah dan lain<sup>2</sup>.

Tentu-lah sa-tengah daripada satengah-nya berkata ia-itu belum banyak lagi, tetapi saya suka-lah menyatakan di-sini tentu-lah di-dalam masa yang singkat tidak dapat mengeluarkan banyak buku<sup>2</sup> yang banyak bagi sekolah itu tetapi saya chukup perchaya Dewan Bahasa ini tengah berikhtiar mengadakan dan menterjemahkan buku<sup>2</sup> yang mensesuaikan dengan pelajaran sekolah rendah dan sekolah menengah pada masa ini dan pada masa yang akan datang. Saya perchaya juga Dewan Bahasa ini ada mengarang dan membuat buku<sup>2</sup> yang mensesuaikan Kutub Khanah bagi kanak<sup>2</sup> sekolah rendah dalam negeri ini. Dewan Bahasa ini saya nampak bukan sahaja dalam mengadakan buku<sup>2</sup> dapat mengembangkan bahasa dengan menganjorkan Minggu Bahasa Kebangsaan dalam tahun ini. Pada masa di-adakan Minggu Bahasa Kebangsaan dalam tahun yang sudah, kita dapat mendapat sambutan yang baik daripada semua peringkat dan dari semua bangsa yang menumpukan ta'at setia kepada negeri ini. Saya dapatti pada masa mengadakan sharahan dan mengadakan perjumpaan sa-umpama ini, saya dapatti ramai daripada bangsa<sup>2</sup> lain mengambil bahagian bersharah dalam majlis itu, dan saya dapatti kebanyakan daripada orang<sup>2</sup> China dan orang<sup>2</sup> India berchakap dan bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih dan lanchar. Saya perchaya agak-nya dalam tahun ini bila di-adakan Bulan Bahasa Kebangsaan di-adakan saya chukup perchaya akan lebih<sup>2</sup> baik lagi daripada yang sudah<sup>2</sup>.

Berkenaan dengan soal buta huruf, ini saya fikir satu benda yang sangat<sup>2</sup> mustahak di-adakan dan di-galakkkan di-merata kampong<sup>2</sup> kerana kampong kita maseh banyak lagi buta huruf. Di-dalam masaalah buta huruf ini, saya suka menarek perhatian dalam sadikit masa yang lalu ada satu method satu kaedah atau gaya mengajar yang dinamakan Laubach's Method. Laubach's Method ini saya nampak satu atoran atau kaedah yang sangat baik. Kalau ta' salah saya sendiri ada belajar

berkenaan dengan Laubach's Method ini ia-itu dengan ajaran dengan jalan psychology—dengan jalan ilmu jiwa ia-itu dalam masa 14 hari sahaja dengan kaedah dan atoran ini, mereka<sup>2</sup> yang belum tahu—buta huruf A.B.C. itu boleh di-ajar dan boleh membaca buku yang 80 muka itu dalam masa 14 hari sahaja. Saya fikir sakira-nya di-lakukan Laubach's Method ini diajar di-merata kampong dengan kaedah ini, saya chukup perchaya banyak orang kampong kita dengan deras menghabiskan buta huruf ini dalam kampong<sup>2</sup>. Saya perchaya bukan sahaja di-Johore di-adakan kaedah Laubach ini, tetapi sa-hingga Pulau Pinang sa-hingga sampai ka-selatan. Saya fikir guru sudah pun menjalankan atoran itu, tetapi malang-nya saya tidak tahu apa sebab Laubach's Method ini mati tidak berkubor.

Satu perkara lagi kita tengok dalam Estimate ini ia-itu dalam negeri Johore ada Lady Supervisor, sudah lama di-adakan dalam negeri Johore tetapi sejak tahun 1960 sampai tahun 1961 Lady Supervisor tidak di-pakai lagi. Di-sini saya menyeru kapada Menteri Pelajaran ia-itu kalau di-perhatikan di-dalam tempat<sup>2</sup> lain ia-itu Lady Supervisor ini ada di-jalankan di-tempat<sup>2</sup> lain. Saya mithalkan di-Pahang pada muka 421—Lady Supervisor for Girl School. Jadi, kalau sakira-nya ada di-Pahang, pada hal kita di-Johore telah pun ada Lady Supervisor beberapa tahun yang sudah, maka patut-lah juga negeri Johore yang banyak sekolah perempuan di-adakan sa-orang Lady Supervisor yang sesuai dengan jenisnya.

Sa-perkara lagi, apa yang saya hendak chakapkan ini termasuk di-dalam perkara Kementerian lain tetapi sebab pelajaran di-masukkan di-sini saya suka membayangkan sakali ia-itu pelajaran di-dalam penjara<sup>2</sup>. Saya fikir orang<sup>2</sup> salah dalam penjara patut-lah juga di-beri pelajaran sadikit sa-banyak supaya mengetahui . . . .

**Mr. Speaker:** Perkara itu boleh dibangkitkan bila sampai masa-nya perbahathan Head itu di-bahathkan.

**Tuan Syed Esa bin Alwee:** Saya rasa itu-lah pandangan dan pendapat saya dalam perkara Kementerian ini.

**Enche' V. David (Bungsar):** Mr. Speaker, Sir, first of all I would like to seek an assurance from the Minister of Education on free education. According to the Rahman Talib Report, Sir, it was stated that free education will be granted by 1962 and judging by the tone of the speech of the Finance Minister and his remarks frequently in this House, we doubt whether the Government would deviate from its original intended policy in that respect. I would like to have a definite reply from the Minister of Education.

Sir, coming to item (184) on page 107, Malayan Students' Departments Overseas, and subhead 56, Malayan Students Department, London, on page 123. I find in these estimates that various amounts of money have been allocated to look after the students going abroad, especially to the United Kingdom. But to my astonishment, Sir, a few months back we observed in the press that the then Minister without portfolio was sent to London to inquire into the conduct of the students in England. Sir, I fail to understand why is it necessary for a Minister to go for an inquiry when there is already a Department existing in England to look after the affairs of the students. Sir, this most frustrated Minister, who was stripped off his powers, was allowed to use Government funds to go to England for the reason, I believe, of consulting a heart specialist. But, Sir, unfortunately or fortunately, the Government, to place itself in a position to reply to criticisms, stated later that the Minister was there to inquire into the conduct of the students.

**Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara):** Mr. Speaker, Sir, on a point of order—Standing Order 36 (6) says that no Member shall impute improper motives to any other Member. I consider that was imputing improper motive. May I have your ruling, Sir?

**Mr. Speaker:** (*To Enche' V. David*) If you want to speak on the students, you can do so, but do not prolong your speech on that subject.

**Enche' V. David:** Sir, this Minister, who was at that time Minister of External Affairs, after being stripped

off his powers as a Minister, did mention that he was going to consult a heart specialist in England. Subsequently, a statement from the Government stated that the Minister was in England to inquire into the conduct of the students. However, this may be an act of the Government to find a Ministry for him while he was in England. Sir, I understand from reliable sources that this Minister, then a Minister without portfolio, did stay in Savoy Hotel with an expense of \$150 per day . . .

**Mr. Speaker:** That is irrelevant.

**Enche' V. David:** I am trying to tell the Government . . .

**Mr. Speaker:** Are you going to challenge me?

**Enche' V. David:** However, Sir, the amount of money spent on the enquiry has not been stated here in these estimates or in the estimates for 1960, originally passed in 1959. Anyway, I am definite that in the coming year this money will come again in some other form under some other heading as expense for reasons which will be justified by the Government. My argument, Sir, is that, is it necessary for a Department to exist in England when we are going to spend \$15,000 or \$20,000 to send Ministers to enquire into the conduct of our students in England. If you are going to do that, in my contention, there is no need for the Department; if at all the Minister of Education had gone to enquire into it, there would have been some justification on the part of the Government, but for the Minister of External Affairs to go to England to enquire into the conduct of students, it is really amazing and surprising to this House. Sir, at this rate it would be rather difficult for the Government to save expenditure to enable the Government to grant free education by 1962. As we have repeatedly been saying, extravagant expenditure should be avoided. This is a clear indication—that we have an establishment in England we still send people from here to go to England to enquire into the conduct of the students. Whatever the enquiry was, we still await the report.

**Mr. Speaker:** The report is not out yet. It is *sub judice*, and you must not touch on it. I rule you out of order.

**Enche' V. David:** Yes, Sir. As I understand it, the report is not to be debated, being *sub judice*. But I trust the Government will come out at a later date with a specific statement as to what the Minister concerned was actually doing in England—whether he was engaged in enquiring into the conduct of the students in England, or actually he was engaged in some other business.

Coming to classes being conducted by political parties, I associate myself with the Honourable Member from Ipoh. There has been emphasis by the Dewan Bahasa and by the Ministry itself advocating the encouragement of the national language, but to my knowledge no concrete step has been taken by the Government to educate the people who are interested in studying the national language. For instance, in Kuala Lumpur a move was made at the local government level that schools functioning within the local authority should be open for national language classes during the evenings. This was steamrolled by the members of the local authority. Sir, the political parties have been taking a keen interest in this matter, and, in fact, I would say they have been taking the lead to conduct their own classes. What we find is constant police interferences in such classes. If political parties are not allowed to run their own classes, it is all right. But then the Government should be in a position to provide education. How could Kuala Lumpur with a population of more than 300,000 by only having one school in the evening—that is the Victoria Institution—satisfy the needs of the public. Sir, I would call upon the Minister to be more practical and positive and not offer lip service to sway the electorates and the public and hoodwink the public by saying we are giving encouragement to the national language. But how could you do that without providing opportunities, without creating the condition, so that the public could fully utilise those opportunities. Sir, the restriction imposed by

the authorities on running classes by political parties should be lifted so that until such time as the Government is in a position to open more schools in the evenings the parties should be allowed to conduct their classes within their own limitations.

Sir, coming to the unified scheme for teachers, this is a long and outstanding question. The teachers of this country have regretted that no mention has been made in the Rahman Talib Report regarding the unified scheme. I understand that my colleague from Seberang Selatan has already spoken at length about this, but I would like to remind the Government that the Government is driving the teachers against the wall by not acceding to their request. If the teachers in this country are expected to perform a satisfactory service to our present and future generations, I think the Government should immediately introduce a unified scheme regardless of different languages which are being taught in our schools. This is not a new matter which has been brought into this House. This has already been brought up by the relevant unions to the relevant authorities; memoranda after memoranda have been submitted, but unfortunately the Government has not come out with a clear answer to their request.

**Mr. Speaker:** Your colleague has spoken at length on that point, and I think you better not repeat the whole thing again. The time is very precious in this House.

**Enche' V. David:** It is not my intention to dwell specifically on this, but, as a final observation, I would like to remind the Government that early action should be taken in the matter.

**Wan Mustapha bin Haji Ali (Kelantan Hilir):** Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Dewan ini telah mendengar uchapan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran di-mana telah disebutkan pada permulaan-nya berhubung dengan dasar pelajaran yang telah d i b a h a t h k a n dalam bulan August, 1960. Angka murid<sup>2</sup> telah ditunjukkan bahawa 145,000 orang penuntut telah mendapat pertolongan

dari-pada Kerajaan Perikatan. Mengikut perkataan Inggeris yang telah di-chakap-nya ia-itu "additional expansion of the Ministry" di-mana hendak meninggikan taraf pelajaran di-luar bandar. Saya chuma hendak menyentoh terhadap dasar pelajaran atau pun pertolongan yang di-berikan kepada penuntut<sup>2</sup>, tetapi nampak-nya tidak di-sebutkan di-sini bagaimana hendak meninggikan taraf pelajaran di-luar bandar yang di-jamin oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri.

Sedap mendengar tetapi boleh-kah sedap di-hati khusus-nya orang<sup>2</sup> Melayu. Semenjak Kerajaan Perikatan memerentah mana ada Sekolah<sup>2</sup> Melayu dan bangunan di-dirikan saperti yang di-jamin oleh Menteri Pelajaran, tetapi sa-balek-nya bukan di-dirikan di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar bahkan kebanyakannya di-dirikan sekolah<sup>2</sup> itu ia-lah di-bandar<sup>2</sup> yang besar saperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh dan Melaka satu sahaja. Siapa yang untong? Semua bangsa, kechuali orang Melayu. Kerana orang Melayu tidak untong dalam pelajarannya ia-lah kebanyakannya penduduk<sup>2</sup> Melayu tinggal di-luar bandar dan tidak banyak yang tinggal di-bandar yang besar<sup>2</sup> saperti Kuala Lumpur, Ipoh atau Pulau Pinang. Yang kebanyakannya orang<sup>2</sup> Melayu ada dalam negeri-nya yang dahulu di-kenal Unfederated Malay States saperti negeri<sup>2</sup> Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis.

Jaminan telah di-beri dalam Perlembagaan ia-itu ada-lah menjadi tanggong jawab Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Raja<sup>2</sup> dan Kerajaan ia-itu menaikkan taraf dan mutu kehidupan orang Melayu ya'ani anak negeri ini sendiri. Hendak-lah menchari jalan supaya anak negeri ini tidak tinggal ka-belakang. Pelajaran ia-lah satu jalan yang boleh menolong orang Melayu yang lemah pada masa dahulu dan pada masa ini untuk bersama<sup>2</sup> dengan sahabat<sup>2</sup> kita bangsa asing yang dudok di-negeri ini—(Interruption). Apa-kah guna ada University jika-lau orang Melayu yang di-kampong<sup>2</sup> itu tidak ada sekolah? Jikalau sekolah yang besar<sup>2</sup> yang di-buat oleh Kerajaan itu chuma di-tumpukan di-bandar<sup>2</sup> yang besar sahaja.

Itu sebab-nya tidak ada murid<sup>2</sup> Melayu yang pergi ka-University. Mengikut pengalaman (experience) saya, dalam tahun 1935 negeri Kelantan chuma ada sa-buah sekolah Inggeris, itu pun kecil. Oleh kerana sekolah itu kecil, dengan izin Tuhan saya telah dapat belajar di-Francis Light English School, Pulau Pinang, dan dalam tahun 1941 saya menuntut di-Penang Free School. Saya dapat guru<sup>2</sup> yang di-beri tugas mendidek kanak<sup>2</sup> ini pengetahuan-nya tidak luas baik di-sekolah kecil mahu pun di-sekolah besar saperti Penang Free School yang mash-hor itu pun guru<sup>2</sup>-nya tidak mengambil berat di atas kechenderongan kanak<sup>2</sup> itu chuma makan gaji sa-ha-ja saperti kata orang sekarang. Pada pendapat saya hal ini maseh berjalan lagi di-semua sekolah.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan mengambil perhatian apa yang saya chakapkan itu dan saya harap juga supaya guru<sup>2</sup> itu menukar sadikit fikiran dan chara<sup>2</sup> pengajarannya. Sa-lain daripada itu, saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam masa menjalankan tanggong jawab-nya sa-bagai Menteri Pelajaran hendak-lah jangan lupa pada sa'at ini ia-itu ia ia-lah sa-bagai Menteri Pelajaran, saya harap ia lupakan yang ia itu sa-orang ahli Perikatan . . . .

**The Assistant Minister of Information and Broadcasting (Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar):** Bagaimana ia hendak lupakan—(Interruption).

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** . . . . tetapi yang sa-benar-nya ia Menteri Pelajaran yang ingin hendak menaikkan taraf pelajaran kapada semua ra'ayat dalam negeri ini, terutama ra'ayat di-luar bandar sa-bagaimana yang di-janjikan sa-malam, dengan tidak mengkechualikan peringkat kaya atau miskin dan apa<sup>2</sup> juga parti politik dalam negeri ini.

Saya suka menyebutkan ia-itu pada 3-10-60. Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah melawat Bachok yang mana ia telah memaksa—bukan ia meminta atau memujok atau pun ke-chek—tetapi memaksa (using threat) kapada guru<sup>2</sup> supaya masok parti politik U.M.N.O. . . . .

**Mr. Speaker:** Perkara itu sudah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi, jangan-lah di-ulang-kan lagi . . . .

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** . . . . minta ma'af, saya . . . .

**Mr. Speaker:** Dudok dulu! . . . . apabila perkara ini di-ulangi oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat banyak masa Majlis ini hilang. Oleh sebab banyak perkara yang kita hendak habiskan dalam masa yang di-tetapkan itu, saya harap Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat berchakap sa-berapa pendek, bukan berchakap pendek sahaja bahkan jangan-lah di-ulangi perkara<sup>2</sup> yang telah di-sebutkan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat. Proceed.

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** . . . . kalau peringatan saya tidak silap, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tidak menyebutkan Menteri Pelajaran menggunakan "threat". Saya sebutkan hal ini sebab saya tahu ia-itu Menteri Pelajaran menggunakan "threat" kapada guru<sup>2</sup> itu supaya masuk parti politik.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Education Officer. Sa-tahu saya guru<sup>2</sup> yang ada dalam negeri ini lebuh kurang 40,000. Oleh itu tentu-lah pegawai yang lima enam orang ini tidak boleh mengawal guru<sup>2</sup> yang banyak itu. Saya fikir alang-kah baik-nya Education Officer ini ditambah dengan mengambil pegawai M.C.S., dan Education Officer di-tiap<sup>2</sup> buah negeri itu di-lateh di-university, dan jangan-lah mereka itu di-hantar ka-sekolah sa-bagai pensharah, sebab kebanyakan mereka itu mahir dalam satu<sup>2</sup> perkara seperti ilmu kira<sup>2</sup> dan bahasa. Dalam Pejabat Pelajaran, Education Officer ini pekerjaan-nya men-tadbir. Oleh itu boleh-lah kita gunakan pegawai M.C.S. yang ada mempunyai degree. Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menjawab ia-itu kita tidak boleh tukar Education Officer ini, kerana guru<sup>2</sup> yang ada kelayakan (qualified) dalam pelajaran akan me-mandang rendah kalau Education Officer itu di-ambil daripada pegawai M.C.S. Tetapi Education Officer itu di-ambil daripada orang yang mem-punya'i degree seperti B.Sc., atau B.A. tentu-lah mereka ini mempunyai pengetahuan yang chukup dan tahu

sadikit sa-banyak dalam hal pelajaran untuk menjalankan pekerjaan itu. Saya suka mengeshorkan ia-itu Education Officer ini hendak-lah di-tukarkan ka-sekolah, dan tempat-nya di-gantikan oleh pegawai M.C.S. yang mempunyai degree.

Berkenaan dengan Adviser on Fur-ther Education ini, pada fikiran saya jawatan itu patut di-hapuskan.

Pegawai ini tidak boleh lebuh dari-pada dua atau tiga orang sebab dia chuma dapat gaji \$16,000 pada sa-tahun. Jikalau pegawai ini tanggong jawab-nya chuma menasehat kapada penuntut<sup>2</sup> yang hendak belajar, hendak pergi to further education—menuntut ilmu yang tinggi. Sebab saya kata patut di-hapuskan, mengikut bahasa Inggeris "nobody can know better than the student himself". Di atas apa perkara penuntut itu hendak ambil, tiada siapa dalam dunia boleh nasehatkan dia melainkan diri dia sendiri. Dan di-sini Adviser ya'ani pegawai ini chuma menasehatkan penuntut supaya memanjangkan ilmu-nya. Jikalau-lah pegawai ini tanggong jawab-nya chuma hendak beri tahu apa yang akan di-pelajari di-luar negeri—apa perkara yang patut dia lulus, itu senang sahaja, kita boleh order pamphlet dari United Kingdom, daripada Australia dan harus juga Chief Education Officer sendiri tahan-kan perkara itu. Jikalau-lah jawatan ini hendak di-gunakan supaya meinterview scholar sa-belum di-hantarkan keluar negeri melanjutkan pelajaran sa-bagai Board of Interview jawatan ini patut di-tambahkan tiga dan sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-orang daripada pegawai ini mesti-lah mengetahu'i psychology supaya dia boleh menengok mereka itu sa-belum di-bagi scholarship dengan senang-nya.

Dan pada Item (140) Education Officer (Supervisor, Correspondence Courses Unit) ia-itu pada muka 105. Saya tidak faham apa-kah guna-nya jawatan Education Officer ini, tentu-lah pegawai Education Officer ini membagi lecture atas diri-nya sendiri. Jikalau ada correspondence courses, ada-kah murid<sup>2</sup> yang hendak melanjutkan pelajaran, jika bagitu dengan senang-nya kita boleh menggunakan correspon-dence courses yang telah di-jalankan

oleh Department seperti Bennett College yang di-sana memakai guru<sup>2</sup> atau pun orang<sup>2</sup> yang telah berpuluhan tahun specialist dalam perkara correspondence courses ini.

Pada muka 104 Item (99) Librarian, gaji-nya chuma \$5,400 pada sa-tahun mengikut tahun hadapan. Pada fahaman saya sa-orang Librarian ini patutlah di-pileh orang ada luas pengetahuan-nya sebab kerja Librarian ini bukan-lah menjaga buku<sup>2</sup> atau mengator atau angkat kerusi kapada penuntut<sup>2</sup> tinggi tetapi dia kena tahu apa buku jikalau penuntut<sup>2</sup> itu meminta-nya dan dia harus juga boleh menchari-nya serta mengeshorkan kapada penuntut itu apa buku yang patut di-bacha-nya. Bagitu juga di-bawah Technical College, Librarian di-sana mesti-lah diambil orang yang berpengetahuan tentang technical, jika tidak perchuma<sup>2</sup> sahaja kerana Librarian ini mesti-lah mengerti menjaga Library-nya.

Di-bawah muka 104, Library Clerk—Kerani Library, gaji-nya \$2,370 pada sa-tahun. Saya shorkan Library Clerk ini di-pileh orang yang ada pengetahuan sa-kurang<sup>2</sup>-nya orang yang pas Senior yang memakai gaji tinggi sadikit.

Sa-bagaimana saya sebutkan tadi pada muka 106 Item (147) Organiser, Courses by Post, Ini sahaja mengambil wang sa-jumlah \$38,000 bagi 6 orang pegawai. \$38,000 pada tahun hadapan chuma menjaga courses sahaja. Maka mana-kah yang baik kita gunakan barangkali sa-tahun sahaja kalau Department yang menjalankan pekerjaan ini kita tengok di-mana tempatnya, tentu-lah courses ini tidak berma'ana kapada courses Melayu dengan pos sahaja di-negeri ini kerana di-merata tempat ada guru yang boleh mengajar Melayu saya perchaya courses ini berkenaan dengan Further Education Section.

Dan pada muka 107 Item (184) Director, Malayan Students Department, United Kingdom. Saya tidak tahu siapa yang memegang jawatan ini tetapi pada pengetahuan saya sendiri dalam tahun 1954 dahulu apabila saya ada belajar di-United Kingdom; saya pergi di-sana sa-bagai penuntut bukan di atas scholarship

Kerajaan—dengan sendiri, saya hendak meminta pertolongan daripada Director ini hendak masok University tetapi dukachita saya dapatti Director itu sendiri tidak tahu satu apa pun di atas studies. Jika Director ini tidak tahu di atas pelajaran apa yang dikehendaki oleh penuntut sa-belum masok ka-University sa-kurang<sup>2</sup>-nya patut-lah Director itu ada hati hendak menolong penuntut yang miskin, yang susah yang pergi sana dengan tidak dapat bantuan Kerajaan. Oleh sebab saya, apabila di-tanya, sudah-kah lulus entrance hendak masok University of London, saya hendak masok Oxford University pergi berjumpa dengan Director dan meminta testimonial dari-pada Director baharu saya akan di-terima. Tetapi pada masa itu Director ini tidak berani hendak memberi-nya. Maka oleh sebab itu tidak dapat-lah saya masok University Oxford tetapi dapat masok University London.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca Utara):** Minta penjelasan, kita berbinchang dalam budget ini apa ada kena mengena dengan diri yang di-sebutkan itu.

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** Saya fikir, itu ta' payah saya jawab, kerana pertanyaan Yang Berhormat itu tidak relevant.

**Mr. Speaker:** Supaya hendak memuaskan hati Ahli Yang Berhormat itu, saya boleh jawabkan. Benda itu tidak ada kena mengena dengan sebab kata dia berkenaan dengan Director itu di-harap tidak-lah Director yang ada sekarang tidak macham dahulu lagi (*Ketawa*).

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** Item (185) Placing Officer dan item (186) Welfare Officer. Ta' boleh-kah Menteri Pelajaran kita menetapkan satu orang sahaja? Saya fikir tanggong jawab mereka ini kerja-nya sama dan bekerja ta' banyak, dan jikalau dua orang ini di-jadikan satu sahaja boleh jadi belanja pada tahun hadapan akan berkurangan sadikit.

Item (193) Overseas Allowance; item (194) Outfit Allowance; item (195) Housing and Hotel Allowances. Dahulu hanya \$30,380 tetapi tahun

hadapan ini bertambah sa-banyak \$129,290 yang berma'ana tambahan yang berlipat ganda. Tetapi kalau di-bandingkan chuma ada 3 orang pegawai sahaja, barangkali tentu-lah increment-nya tahun 1955-1956 tidak termasuk dalam Clerical Assistants. Orang ini tentu-lah di-ambil dari London, mungkin orang Inggeris atau Belanda. Saya fikir gaji yang di-untoakan kapada Director, Malayan Students Department, United Kingdom dan Welfare Officer itu terlalu banyak, sebab kalau kita bandingkan dengan Australia—Overseas Allowance pada tahun yang lepas ta' ada, tetapi hanya bertambah sedikit sahaja sa-banyak \$10,460. Kenapa belanja ini mustahak? Pada hal jabatan ini ada satu sahaja pada tahun dahulu. Saya fikir tentu Menteri Pelajaran boleh menjawab dalam perkara ini.

Saya sokong penoh akan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara yang mengatakan bahawa Federal Inspectorate ini tidak berguna. Saya sokong. (*Ketawa*). Oleh sebab tanggongan Federal Inspectorate hanya menasahkan sahaja dan jikalau Inspectorate melawat ka-negeri<sup>2</sup> apabila di-dapati guru<sup>2</sup> itu ta' betol dia chuma balek ka-Kuala Lumpur buat report. Jadi banyak masa yang rugi, pada hal jikalau boleh di-beri sebab<sup>2</sup> kenapa dan fasal apa yang mereka itu salah maka tentu-lah guru<sup>2</sup> itu boleh dapat membetulkan kesilapan-nya, tetapi mengikut dasar Kerajaan yang dia telah di-perentah oleh Kerajaan chuma melawat sahaja—ta' boleh comment, ta' boleh apa. Oleh sebab itu saya sokong supaya Inspectorate itu di-hapuskan sahaja. (*Ketawa*).

Muka 111—Kelantan Education Office, item (325) Chief Education Officer. Di-sini perkataan “Pejabat” itu telah di-sebutkan dan saya per-chaya Menteri Pelajaran ada dalam pengetahuan-nya yang mana pejabat ini ia-lah pejabat yang sa-habis<sup>2</sup> burok dan sa-habis<sup>2</sup> lama sekali. Pada fikiran saya kalau ada Welfare Officer yang bekerja di-pejabat ini tentu tidak boleh chergas memandangkan kapada keburukan pejabat itu.

Muka 121, Sub-head 24—Student Teachers’ Allowance—Remarks “Training of Teachers in U.K.” Sub-head 27—Training of Teachers in U.K. peruntukan sa-banyak \$4,200,602—(1) Expenses in U.K. (Kirkby and B.L.) \$3,388,202. Pada meshuarat belanjawan dahulu jika di-bandingkan dengan belanjawan tahun ini tersangat-lah tinggi dan kenapa-kah Kerajaan menghantar penuntut<sup>2</sup> ini ka-Kirkby dan Brinsford Lodge? Apa-kah tujuannya yang sa-benar? Harus Menteri Pelajaran akan menjawab bahawa kita menghantar mereka itu ka-sana ia-lah supaya meluaskan pengetahuan mereka dalam negeri Inggeris, tetapi setahu saya guru<sup>2</sup> itu di-hantar ka-Brinsford Lodge dan Kirkby kalau di-kumpulkan penuntut<sup>2</sup> itu dudok dalam satu bangunan di-mana tidak berchampor dengan penuntut<sup>2</sup> lain, saya fikir pengalaman mereka itu tidak-lah ada ma’ana. Sa-saorang boleh dudok di-London sampai 10 tahun, tetapi jikalau dudok dalam bilek sahaja dengan tidak berchampor tentu pengetahuan-nya tidak ada langsung. Bagaimana hendak mendapat pengetahuan sedangkan mereka kalau tidak berchampor dengan penuntut<sup>2</sup> lain, umpama-nya dudok dalam barrack kerana tidak nampak seperti institution, dudok, makan, minum, tidor dan berchakap sahaja. Jadi chuma dua atau tiga orang guru datang pada waktu pagi bersharah. Kalau macham ini tentu ta' ada pengalaman, ta' ada beza-nya. Dengan yang demikian lebeh baik-lah kita adakan 2-3 orang guru datang mengajar di-sini. Mana lebeh murah kalau kita panggil 4-5 orang atau katakan-lah 12 orang lecturer daripada England dengan menaiki sa-buah kapal terbang daripada menghantarkan beratus<sup>2</sup> penuntut pergi ka-sana? Saya fikir patut-lah pada tahun 1961 ini mereka itu jangan di-hantarkan lagi ka-Kirkby dan Brinsford Lodge, sebab latehan-nya hanya selama 2 tahun sahaja. Dan juga kenapa-kah mesti di-tambah dalam anggaran tahun ini, oleh sebab mereka itu di-hantar dengan kapal terbang. (*Ketawa*). Jikalau Ahli Yang Berhormat semua ta' perchaya saya

boleh tunjukkan dalam surat khabar *Malay Mail* bertarikh 13 December, 1960 yang berbunyi :

**93 TEACHERS RETURN FROM  
BRINSFORD**

Ninety-three teachers from Brinsford Lodge arrived at Kuala Lumpur airport by BOAC "Britannia" yesterday.

Ta' boleh-kah guru<sup>2</sup> itu balek dengan menaiki kapal laut? Barangkali Menteri Pelajaran akan berkata: Rugi masa, kerana naik kapal laut mengambil masa selama 1 bulan, kalau kapal terbang 3 hari sahaja sudah sampai. Tetapi ada-kah mereka itu sampai 3 hari maka esoknya mereka mengajar di-sekolah? Tentu tidak, sebab setahu saya dalam tahun 1960 di-Brinsford Lodge 80 Trained Teachers balek katanah ayer dan mengajar sa-bagai guru biasa sahaja. Jadi tidak-lah berm'a'ana yang mereka itu mustahak atau pun kita kekurangan guru<sup>2</sup> dalam lapangan Trained Teachers ini . . . saya akan sambong lagi pada pukul 2.30 nanti.

*Sitting suspended at 1.00 p.m.*

*Sitting resumed at 2.30 p.m.*

(Mr. Speaker *in the Chair*)

**THE SUPPLY BILL, 1961**

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

Debate resumed on Question :

That the sum of \$189,417,677 for Head 18 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** Tuan Yang di-Pertua, menyambong perchakapan saya berkenaan dengan Kirkby College dan Brinsford Lodge, pada pendapat saya latehan di-United Kingdom itu tidak memberi apa<sup>2</sup> keuntongan kepada guru<sup>2</sup> itu. Sebab mengikut berita dalam *Malay Mail* sa-malam telah menyebutkan sa-ramai 93 orang guru telah balek dari United Kingdom, dan ada menunjukkan gam-bar 3 orang guru perempuan yang mengatakan: "There was tears when they arrived." Jadi kalau guru<sup>2</sup> yang

di-hantar ka-sana balek dengan me-nangis saperti kanak<sup>2</sup> sekolah tentu-lah tidak layak menjadi guru, dan pada pendapat saya beza-nya 3 orang guru yang balek itu ada nampak puteh sa-dikit (a bit fairer) kerana hawa di-sana sejok, itu sahaja. Saya suka menegaskan perbelanjaan yang \$3 juta ini ada-lah sangat tinggi, walau pun mengikut statement daripada Kementerian Pe-lajaran yang mengatakan :

"The Teachers Training College at Pantai Valley, however, will not function until 1962 when the Kirkby Teachers Training College in England is closed."

Kita di-sini telah berbelanja berjuta<sup>2</sup> ringgit untok bangunan sekolah dalam negeri ini. Tetapi mengikut kenyataan ini: "will not function until when the Kirkby College is closed" ia tidak me-nyatakan tidak boleh di-jalankan sebab bangunan itu belum siap, tidak di-jalan-kan kerana menunggu "training college" di-United Kingdom itu di-tutup dalam tahun 1962. Tidak boleh-kah kita jalan-kan pada tahun 1961 ini untuk menye-lamatkan wang yang \$3 juta lebeh saperti yang di-sebutkan dalam Sub-head 27 itu dengan mengambil lecturer daripada United Kingdom? Dan saya suka juga sebutkan: "If the policy of the Government to maintain the high standard of education in this country" oleh sebab bangunan itu telah di-dirikan, ini ada-lah tanda yang Kerajaan berniat hendak menaikkan taraf pe-lajaran negeri ini, tetapi tidak di-sebut-kan di-sini berkenaan dengan orang di-luar bandar.

Bethubong dengan Grants to Second-ary Residential Schools, pada fikiran saya perbelanjaan bagi tahun 1961, patut-lah di-tambah. Residential Schools ini memberi faedah yang besar kepada orang<sup>2</sup> luar bandar, dan hendak-lah di-beri peluang yang sama rata kapada mereka itu, kerana di-kampung kurang sekolah yang baik<sup>2</sup>, dan dalam pelajaran ini saya perchaya tidak ada perbezaan baik murid<sup>2</sup> itu anak orang miskin mahu pun orang kaya atau pun murid<sup>2</sup> yang di-bandar dengan murid<sup>2</sup> yang di-kampung. Saya berpendapat murid<sup>2</sup> daripada kampong ada lebih cherdek (wisdom) daripada murid<sup>2</sup> di-bandar, dengan kita memberi peluang yang sama rata itu, murid<sup>2</sup> yang daripada kampong itu harus akan

berjaya lebeh lagi daripada anak orang kaya, kerana murid<sup>2</sup> ini biasa susah dan lain<sup>2</sup>.

Item 46 Grants for Religious Instruction in Assisted Primary and Secondary Schools, saya perchaya grants ini terutama atau pun di-tumpukan kapada sekolah religious instruction Islam, sebab barangkali Yang Berhormat daripada pehak lain harus hendak menggunakan Board ini sa-bagai instruction dalam ugama yang luas. Oleh sebab religious Islam ini ada-lah ugama yang rasmi di-Tanah Melayu tentu-lah grants \$2,500,000 ini bagi kapada instruction Muslim Religious School. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan mengambil perhatian dan tidak boleh di-gunakan Board ini kepada instruction di-dalam ugama lain.

**The Minister of Education (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib):** Mengikut Perlembagaan negeri ini, wang daripada Kerajaan tidak boleh di-gunakan untuk mengajar ugama lain daripada ugama Islam. Memang peruntukan ini bagi pelajaran Islam.

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** Saya chuma hendak mengingatkan kapada Yang Berhormat Menteri itu sahaja dan saya sukachita dapat jawapan dengan serta-merta.

Di atas Item 48 Examination. Di-sini dalam bulan November tahun ini, kita telah membacha daripada *Berita Harian*, Selangor Teachers Examination ada kebochoran dalam kertas peperiksaan. Ini saya harap tidak akan berlaku lagi.

Yang kedua-nya, saya hendak sebutkan sadikit berkenaan dengan examination ini, sebab saya sangat<sup>2</sup> suka hati melihat surat<sup>2</sup> khabar saperti semalam di-sini ada di-sebutkan:

"About 1,700 boys and girls out of the total 6,431, who took the Standard VI Examination in Perak this year, are not considered fit for secondary schools—are not fit for secondary schools'. The pupils have been classified into four categories."

Di-sini di-dalam \$64,000 ia-itu 1,700 lebeh kurang 25 persen di-sipatkan unfit—tidak layak. Kalau di-sini ada di-sebutkan peruntukan sa-banyak \$73,000 tetapi no school in 1961. Apakah jadi kapada murid<sup>2</sup> ini lebeh dari-pada 30 persen.

"73,000 face no schools in 1961. An officer of the Ministry of Education said today that only 30 per cent of the record 96,000 who took examination could be found places in aided schools."

Jadi, kalau-lah 25 persen di-Ipoh ini di-dapati tidak layak—unfit for schooling berma'ana ajaran atau guru<sup>2</sup> yang mengajar di-sekolah<sup>2</sup> itu tidak pandai, erti-nya tidak pandai mengajar atau pun examination system di-dalam negeri ini sangat<sup>2</sup> rendah atau pun tidak mengikut kaedah. Sebab saya perchaya tiap<sup>2</sup> murid kalau di-ajar betul<sup>2</sup> mesti pas (*Ketawa*). Barangkali ada juga dua tiga orang yang disipatkan idiot patut pergi Tanjong Rambutan tetapi (*Ketawa*) kalau kita mempunyaï system itu betul mesti murid<sup>2</sup> ini lulus di-dalam 1,002 orang harus barangkali 20, 30 bukan 2,000 3,000 tidak ada. Di-sini 23,000 dari-pada 96,000 di-sipatkan oleh sekolah<sup>2</sup> itu tidak layak. Dan saya hendak memberi amaran kapada Kerajaan ia-itu kalau kita pergi sa-takat ini harus dalam 5 tahun lagi akan menjadi revolution dan harus komunis akan memerentah negeri ini. Dukachita saya mendengar ketawa dalam Rumah ini sebab perkara ini serious sebab orang yang ta' boleh sekolah ini tentu-lah tidak lagi kaseh kapada Kerajaan, jika mereka itu sunggoh<sup>2</sup> niat hendak mengusek, harus barangkali peperekssaan pada bulan ini budak<sup>2</sup> itu mithal-nya sakit dan harus jatoh markah mereka dalam hal ini. Harus-lah dia tidak payah di-buang dengan bagitu sahaja (*Ketawa*). Tetapi patut-lah di-timbangkan daripada darjah rendah lagi.

"The fact that 44,000 border-line cases was now being cited by the various Governments. Selection will be carried out according to the students' individual merits."

Saya perchaya individual merit di atas markah di-terima tetapi patut di-ambil semua sakali daripada standard I dan harus dia di-timbangkan dan di-beri peluang kapada mereka ini semua.

Di-Item 54. Replacement of Vehicles dan Item 55, Transport and Travelling pada muka 123 di-sini, pada tahun 1961 \$15,200 di-sebutkan dalam tanda Remarks \$77,565. Jadi, perbelanjaan hendak menjaga kereta ini chuma check dan tarok grease sadikit sa-banyak

berkehendakkan \$77,000. Replacement bagi kereta baharu hanya \$15,000, ini saya ta' faham (*Ketawa*).

Malayan Students Department London—Administration (1) Books and Periodicals \$643 terlalu rendah sebab saya perchaya Books and Periodicals di-Department of Malaya di-London itu patut di-luaskan lagi bagi mengadakan buku<sup>2</sup> riwayat Malaya dalam Library itu. Sebab, sa-tahu saya Malayan Students Department London ini chuma ada Times, Budget itu sahaja. Patut-lah di-masukkan buku<sup>2</sup> yang patut murid<sup>2</sup> boleh membacanya hendak meluaskan pelajaran dan fikiran mereka.

Pada muka 124 Item 58. Office Rent and Rates \$18,171. Pada hal pada tahun 1960 tidak ada belanja apa<sup>2</sup> pun. Jadi, tentu-lah Department ini di-jadikan permanent—harus di-kekalkan. Kenapa-kah sewa office, tidak boleh-kah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberikan satu bangunan. Sebab kalau kita sewa dengan 10 tahun atau pun 20 tahun tentu-lah belanjanya itu murah dengan sewa bulan<sup>2</sup> ini.

Item 61. Saya tidak faham ma'ana Staff Lunches mengambil wang sa-banyak \$30,000 tahun 1961. Ada-kah Lunches ini di-beri makan pada tengah hari.

Sub-head 70. Aid to Non-Government Muslim Religious Schools, disini mengambil wang satengah juta ringgit dan saya harap di-bagi pertolongan kapada sekolah ini dengan adil dan dengan tidak mengambil politik dalam hal ini.

Saya harap Menteri Pelajaran akan menimbangkan perkara ini dengan adil-nya dan tidak mengambil politik dalam hal ini, sebab dalam kawasan saya Kelantan Hilir ada sa-buah sekolah yang telah di-potong bantuan-nya kerana guru-nya itu menjadi Ahli Majlis Undangan (PAS) dan sekolah itu ia-lah di-Panchut, Kelantan. Saya berharap bantuan ini apabila di-beri kapada murid<sup>2</sup> tidak-lah bersangkut dengan politik.

Muka 124, sub-head 71—Amenity and Welfare Funds for Students Overseas. Daripada \$43,370 di-turunkan menjadi \$1,000. Ini sangat<sup>2</sup>-lah mengejutkan saya, sebab Amenity and

Welfare Funds ini sangat mustahak pada murid<sup>2</sup> kita ka-luar negeri, terutama sakali kapada penuntut<sup>2</sup> private di-London. Mithal-nya saperti saya dahulu terlewat mendapat wang daripada ibu bapa saya, kerana di-sana tidak-lah saperti kita di-Malaya, ta' ada kawan, ta' ada warith, dan kadang<sup>2</sup> keputusan wang maka Amenity and Welfare Funds itu boleh-lah di-pinjam oleh penuntut<sup>2</sup> di-sana. Jadi kalau di-kurangkan menjadi \$1,000 bagaimana-kah pertolongan yang akan di-beri kapada penuntut yang susah di-sana? Sebab kejadian ini berlaku kapada diri saya sendiri apabila terputus wang terpaksa-lah saya pinjam dari Amenity and Welfare Funds ini sa-banyak £20. Saya tidak malu menyebutkan di-Rumah ini kerana meminjam wang itu. Sa-belum balek ka-tanah ayer saya telah menjelaskan £10 dan sa-telah saya berada di-sini maka saya tulis surat kapada pejabat itu dengan menjelaskan wang yang sa-lebih-nya. Jadi ma'alum-lah kalau kita beri pertolongan kapada murid<sup>2</sup> itu tentu-lah tidak menjadi kesusahan kapadanya. Apabila murid<sup>2</sup> itu balek ka-Malaya maka wang yang di-pinjamnya itu harus di-bayar dua kali ganda. Oleh itu saya harap Kementerian ini akan membanyakkan lagi anggaran perbelanjaan-nya bagi tahun 1961.

Sub-head 72—Braille Publishing Office. Sepatut-nya dua kali ganda di-sini, sebab negeri kita banyak orang<sup>2</sup> yang buta dan pejabat ini tentu-lah boleh menolong kapada orang<sup>2</sup> yang buta yang ta' boleh membacanya dan menulis.

Sub-head 86—Supervision of Student Overseas. Remarks (1) British Council, Dublin, (2) British Council Hostels, London and Edinburgh. Kedua<sup>2</sup> bangunan itu jarang sangat penuntut<sup>2</sup> Malaya yang dudok di-sana, jadi saya fikir wang yang di-untokkan sa-banyak \$29,503 itu tidak berguna sangat dan sa-patut-nya-lah di-beri kapada penuntut<sup>2</sup> di-London, Australia, India, Cairo dan lain<sup>2</sup> lagi sa-bagaimana yang di-terangkan oleh wakil dari Bachok tadi. Peruntukan kapada Malaya Hall sa-banyak \$117,866. Saya perchaya perbelanjaan ini terlalu tinggi, kerana kaki-tangan-nya saperti pelayan Inggeris atau Franchis yang mana mereka

itu bukan berugama Islam. Di-sini saya mendapat tahu bahawa *daging babi* itu ada lagi di-hidangkan di-Malaya Hall sana. Saya perchaya perkara ini sepatutnya tidak akan berlaku lagi, sebab bagi orang<sup>2</sup> yang bukan berugama Islam boleh makan di-kedai<sup>2</sup> China yang ada di-sana dan ada juga orang yang bukan Melayu yang tidak makan daging babi kerana mengikut keterangan Doctor daging babi itu boleh merosakkan kesihatan.

Ada-kah tukang masak di-Malaya Hall yang sekarang ini di-ambil dari orang<sup>2</sup> Melayu? Sebab makanan di-Malaya Hall itu sangat menjemukan, kerana tiada rasa garam langsung dan makanan di-sana hanya makanan orang puteh sahaja—makan kentang. Barangkali Menteri Pelajaran akan berkata bahawa belanja-nya lebuh tinggi jikalau kita mengambil tukang<sup>2</sup> masak itu dari Malaya di-mana lebuh murah jika kita ambil dari bangsa asing. Saya perchaya Kerajaan sedar bahawa ada banyak orang<sup>2</sup> Melayu yang tinggal di-United Kingdom yang ta' ada mempunyai pekerjaan. Jikalau mereka itu di-beri kerja sa-bagai tukang masak saya fikir tentu-lah mereka tidak menjadi susah dan juga berkenaan dengan tempat tinggal di-Malaya Hall itu patut-lah di-timbangkan terutama kepada penuntut<sup>2</sup> yang baharu sampai di-London. Penuntut<sup>2</sup> ini apabila sampai di-sana tentu-lah payah dan mereka patut-lah di-beri peluang dudok di-Malaya Hall pada tahun yang pertama. Apabila sudah dua tiga tahun patut-lah di-suroh mereka keluar menchari tempat kediaman-nya sendiri dan sa-bagaimana yang saya tahu tempat kediaman di-sana tidak berapa susah kerana ada banyak flat, dan ada bilek<sup>2</sup> yang boleh di-sewa dengan murah-nya.

Dalam perkara ini chuma saya hendak mengingatkan kapada Menteri Pelajaran dalam menjalankan skim ini supaya jangan lupa yang dia itu ia-lah sa-orang ahli UMNO dan barangkali juga ada payah sadikit pada Menteri itu, tetapi saya perchaya jikalau Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu memikirkan umpama-nya sa-orang Doctor apabila orang sakit berjumpa dengan dia dan kebetulan orang sakit itu pula perempuan dia jikalau dengan

ajaran itu boleh lupa ia-itu orang sakit itu perempuan, maka kalau Menteri Pelajaran itu boleh dudok dalam keadaan itu, saya perchaya pelajaran dalam negeri ini makin lama makin naik dan tidak-lah berchampor dengan politik.

**Enche' Yong Woo Ming (Sitiawan):** Mr. Speaker, Sir, the total estimate of \$189 million for 1961 shows an increase of about \$15 million over 1960's estimate for the Ministry of Education. This increase is a sign of Government's intention to expand the Education scheme and to open more schools for the ever increasing number of pupils to be admitted in the year 1961. This, I believe, is the first step, Sir, and it is only the beginning of the Alliance Government's educational policy as recommended by the Rahman Talib Report. Sir, I regret to say that some of the Opposition Members have brazenly tried to deceive the people by misinterpreting the Rahman Talib Report.

**Enche' D. R. Seenivasagam:** Mr. Speaker, Sir, on a point of order. I refer to Standing Order 36 (1) which says that any matter irrelevant to the debate must not be raised. The Honourable Minister has told us that these estimates are not for the Rahman Talib Report, so the remark of the Honourable Member is not relevant to this debate.

**Mr. Speaker:** The Rahman Talib Report is not implemented yet; we are still with the Razak Report.

**Enche' Yong Woo Ming:** Sir, the Honourable Member for Ipoh has time and time again pretended to be the champion of Chinese education. No one can speak with any authority on any subject unless one knows it thoroughly. Sir, since the Honourable Member for Ipoh knows nothing about Chinese education, . . . .

**Enche' D. R. Seenivasagam:** Mr. Speaker, Sir, I rise on a point of order—Standing Order 36 (6)—which says that no Member shall impute improper motives to any other Member. I fully appreciate that the Member is angry with me. (*Laughter*).

**Mr. Speaker:** It is out of order to impute improper motives against any other Member in this House. Do not be too personal.

**Enche' Lee San Choon (Kluang Utara):** In the words of the Honourable Minister of Internal Security, Sir, I think our Honourable Member from Sitiawan is saying that if you are prepared to attack, you must be prepared to take.

**Mr. Speaker:** Sit down! If anybody challenges my order, I have the remedy under the Standing Orders. Proceed!

**Enche' Yong Woo Ming:** Sir, I hope it is time that the Honourable Member for Ipoh stops deceiving the minority of the Chinese people. The Chinese educationists are the proper . . . .

**Mr. Speaker:** I have already told you not to impute improper motives against any other Member.

**Enche' Yong Woo Ming:** Thank you, Sir. The Chinese educationists are the proper and the right authorities to decide what appropriate step to take which is agreeable to the Government. Sir, the Rahman Talib Report has provided . . . .

**Mr. Speaker:** We are not discussing the Rahman Talib Report now.

**Enche' Yong Woo Ming:** Only two or three lines more, Sir, which I want to refer. (*Laughter*).

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** Sir, on a point of order. I think he cannot change his speech Sir, because he is reading.

**Mr. Speaker:** I am giving him a certain amount of latitude. Please proceed!

**Enche' Yong Woo Ming:** The Rahman Talib Report has provided provision for the study of Chinese education and, therefore, there is no need for the Honourable Member for Ipoh to . . . .

**Enche' D. R. Seenivasagam:** Mr. Speaker, Sir, on a point of order. If the Honourable Member is not going to obey your ruling, then more time

will have to be taken up because we will have to reply to the charges made by him.

**Mr. Speaker:** (*To Enche' Yong Woo Ming*) It is out of order to impute improper motives. Don't indulge in personalities.

**Enche' Yong Woo Ming:** . . . show great concern over what he is ignorant of. To put it bluntly, Sir, I urge the Honourable Member for Ipoh to stop cheating the minority . . . .

**Enche' S. P. Seenivasagam:** Mr. Speaker, Sir, the word "cheating" is unparliamentary.

**Mr. Speaker:** That word is insulting; it is an offensive word. You cannot use the word "cheating" against any other Member in this House.

**Enche' Yong Woo Ming:** Sir, may I use the word "misleading"?

**Mr. Speaker:** Yes.

**Enche' Yong Woo Ming:** I urge the Honourable Member for Ipoh to stop misleading the minority of the Chinese people, who have the right to decide for themselves, and not to forget that he is ridiculing himself. Sir, the Chinese culture has flourished for more than 4,500 years.

**Mr. Speaker:** I am not interested in that (*Laughter*). Will you confine your observations on the estimates, for which the money has been provided for the service, under this Ministry of Education?

**Dato' Onn bin Ja'afar (Kuala Trengganu Selatan):** Sir, on a point of explanation. The Honourable Member said that no one is an authority on anything in this House, would it not therefore, be better for him to sit down? (*Laughter*).

**Mr. Speaker:** You are at liberty to speak on anything in this, but not on Chinese culture. We are not concerned with that now.

**Enche' Yong Woo Ming:** It is ridiculous to think that it will be destroyed just because Malaya is embarking on a new Educational Policy. I believe his

motive behind all this is to use only a fraction of the Chinese people for his own political ends.

**Enche' D. R. Seenivasagam:** rises.

**Mr. Speaker:** (*To Enche' Yong Woo Ming*) Sit down!

**Enche' Yong Woo Ming:** I am finishing, Sir. But I would like to remind him that . . . (*Interruption*).

**Enche' Mohamed Dahari bin Haji Mohd. Ali (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarek hati kapada penubohan chawangan Architecture dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pelajaran ini pada muka 106. Penubohan chawangan Architecture ini akan dapat dipercapkan pembaharuan sekolah<sup>2</sup> lama dan juga pembikinan sekolah<sup>2</sup> baharu dalam kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Dengan segala hormatnya kapada Menteri Kerja Raya Pos dan Talikom, Pejabat Kerja raya sekarang ini sangat lama baharu dapat membuat pembaharuan sekolah<sup>2</sup> lama atau pun membuat sekolah<sup>2</sup> baharu. Bagitu-lah sa-hingga kadang<sup>2</sup> menimbulkan satu keadaan luar biasa, satu keadaan yang tidak normal dalam bidang persekolahan kita dalam negeri ini. Umpama-nya sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan saya di-Kuala Selangor dalam mana Kementerian Pelajaran telah menguntokkan wang lebih daripada sa-tahun yang lalu untuk membuat sa-buah sekolah menengah baharu bagi menggantikan sekolah Inggeris yang sekarang ini tetapi sa-hingga ini kerja<sup>2</sup> itu belum lagi di-jalankan. Keadaan yang sa-umpama ini akan lebih chepat lagi apabila Pejabat Kerja Raya menumpukan usaha<sup>2</sup> dalam kerja<sup>2</sup> Pembangunan Luar Bandar lain d a r i p a d a membuat sekolah<sup>2</sup> pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Penyata Rahman Talib ada menyebutkan tentang perkara hendak menambahkan lagi sekolah lanjutan kampong dan dari itu saya rasa dukachita pada Sub-head 26 muka surat 121—Training Rural Trade School Staff tidak bertambah peruntukan wang-nya daripada tahun ini. Ada-kah perkara itu ada dalam timbangan Kementerian Pelajaran, kalau sa-kira-nya belum,

saya fikir dan saya harap dia akan memberikan timbalan yang berat terhadap perkara ini kerana sa-bagaimana, Tuan Yang di-Pertua, ma'alom bahawa berhubong dengan persekolahan di-kawasan luar bandar ini, ada-lah satu perkara yang amat penting pada masa sekarang. Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, sangat gembira menengokkan bahawa peruntukan wang kapada Pejabat Penuntut<sup>2</sup> Malaya di-London ia-itu di-muka 117 sudah bertambah jawatan<sup>2</sup> baharu sudah di-adakan. Saya fikir perkara ini akan terelak-lah pengalaman dan dengan ada-nya tambahan peruntukan itu atau pegawai<sup>2</sup> ini akan terelak-lah pengalaman yang di-alami oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bahru Hilir ia-itu dia tidak dapat nasehat atau pertolongan daripada Pejabat Penuntut<sup>2</sup> Malaya di-London itu. Saya tumpang dukachita, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak di-masukkan ka-University Oxford atau pun University Cambridge kerana saya dukachita kalau dia di-masukkan University Oxford atau Cambridge saya fikir dia masuk party Perikatan terlebih dahulu. (*Ketawa*).

**Mr. Speaker:** Jaga<sup>2</sup> sadikit. (*Ketawa*).

**Enche' Mohamed Dahari bin Haji Mohd. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarek hati kapada uchapuan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tentang perkara sekolah<sup>2</sup>, tentang perkara betapa banyak-nya sekolah China sekarang ini sudah meminta bantuan penoh atau pun menerima Penyata Rahman Talib. Saya sangat tertarek hati kerana daripada 41 buah sekolah menengah China yang mendapat bantuan sa-paroh daripada Kerajaan, 5 buah telah meminta bantuan penoh. Daripada 21 buah sekolah<sup>2</sup> menengah China bebas, 3 buah sekolah telah pun menerima Penyata Rahman Talib di-samping 71 buah sekolah yang baharu. Saya kata ini satu perkara yang amat mengembaraikan sakali kerana sekolah<sup>2</sup> ini diminta bantuan penoh kepada Kerajaan, menerima Penyata Rahman Talib pada masa Lim Lian Geok dan kawan<sup>2</sup>-nya mengadakan kampin chara besaran<sup>2</sup> menentang Rahman Talib. Dan pada masa sa-belum mereka dikehendaki menyatakan fikiran

mereka sama ada mereka menerima Penyata Rahman Talib atau pun tidak. Bagitu-lah juga Tuan Yang di-Pertua, saya dukachita tidak dapat persetujuan dengan fahaman Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh yang meminta Kerajaan supaya perkara ini kita tanggoh bagi di-timbangkan semula kerana kata-nya sabahagian besar orang<sup>2</sup> China yang ada dalam negeri ini . . . .

**Mr. Speaker:** Jangan panjangkan, bila di-panjangkan itu sudah menjadi perbahathan. Saya tidak benarkan kalau di-panjangkan.

**Enche' Mohamed Dahari bin Haji Mohd. Ali:** Pada fikiran saya, Tuan, Yang di-Pertua, dengan peri ada-nya sekolah<sup>2</sup> menengah China sa-banyak 15 buah yang menerima Penyata Rahman Talib yang meminta bantuan penoh, ini menunjukkan satu kemenangan kapada Kerajaan bahawa sa-bahagian besar orang<sup>2</sup> China ra'ayat negeri ini sudah sedar akan tujuan Penyata Rahman Talib itu. Menunjukkan bahawa pengaroh Lim Lian Geok dan kawan<sup>2</sup>-nya di-tengah<sup>2</sup> kempen menentang Penyata Rahman Talib sudah kita dapat menarek sa-bahagian daripada orang<sup>2</sup> China kerana cheng-kaman pengaroh Lim Lian Geok.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan beruchap pada muka 101 Item (4) ia-itu Chief Education Adviser, di-sini ada peruntukan sa-banyak \$22,200. Saya rasa peruntukan ini sangat sadikit sa-kali dan harus di-tambah yang bererti kalau sa-kira-nya Chief Education Adviser terdiri daripada kaum bapa sahaja maka di-tambah juga bagi pehak wanita-nya. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya ada Chief Education Adviser Wanita ada dalam Headquarters ini maka itu-lah nanti akan merupakan station atau satu Department pendidekan atau pusat bagi wanita buat seluroh Tanah Melayu ini. Ini saya kemukakan satu dasar pada 21 haribulan March 1954 di-New York dahulu telah bersidang 18 negara di-bawah Bangsa<sup>2</sup> Bersatu telah mendirikan satu jawatan-kuasa wanita untuk membaiki keadaan wanita di-negara<sup>2</sup> yang berlindong di-bawah Bangsa<sup>2</sup> Bersatu itu ia-itu

terutama sa-kali dalam soal pendidekan. Kerana kita di-Tanah Melayu ini telah menjadi ahli dalam Pertubuhan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dan telah terkenal ia-itu negara yang telah merdeka, Tanah Melayu yang kecil ini yang baharu kita berusaha dengan Yang Berhormat Perdana Menteri dan juga terkenal-lah ia-itu kechergasan tugas<sup>2</sup> tentera<sup>2</sup> kita di-Congo pada hari ini tetapi sayang sa-kali apabila kita tinjau balek kita lihat dengan pendidekan anak<sup>2</sup> wanita di-dalam negeri ini alang-kah sedeh-nya jauh sa-kali tertinggal di-belakang dengan pendidekan wanita<sup>2</sup> dari negara<sup>2</sup> yang menjadi ahli Bangsa<sup>2</sup> Bersatu. Chontoh ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ambil daripada negara tetangga kita ia-itu dari Indonesia. Di-dalam masa penjajahan dahulu, Indonesia pendidekan wanita-nya tidak berapa maju tetapi apabila ia sudah merdeka dan mereka telah masuk menjadi ahli Bangsa<sup>2</sup> Bersatu maka sekarang maju berlipat ganda kemajuan pendidekan ia-itu dengan bertambah-nya persekolahan khas bagi anak<sup>2</sup> perempuan dari segi pendidekan. Tetapi, Tanah Melayu ini saya merasa tersangat sedeh kerana dari zaman penjajahan dahulu sa-belum kita mencapai kemerdekaan keadaan pendidekan perempuan adalah sama sahaja dengan ta' ada bertambah dalam soal rumah-tangga. Ini dapat saya mengatakan bahawa kita sangat jauh ketinggalan di-mana tidak banyak sekolah di-adakan untok menambahkan kemajuan bagi anak<sup>2</sup> perempuan sa-hingga maseh banyak di-antara pemimpin<sup>2</sup> wanita yang hanya berkelulusan Darjah V atau VI Sekolah Melayu atau hanya tahu menyain dan membacha sahaja.

**Mr. Speaker:** Saya suka mengingatkan supaya jangan di-panjangkan atas masalah pendidekan itu, nanti perkara ini akan hilang masa. Charil isi-nya sahaja, kalau hendak ber-sharah terhadap pendidekan barang-kali satu jam pun ta' habis!

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua, chuma saya menegaskan supaya dalam item ini di-adakan Chief Education Officer bagi wanita, dan juga muka 101 item 23—Domestic Science Supervisor. Di-sini di-adakan peruntukan wang sa-banyak

\$13,284. Saya suka bertanya kepada Menteri yang berkenaan, apa-kah tugas yang di-jalankan oleh pegawai<sup>2</sup> ini pada hari ini? Kerana saya dapat kerja Domestic Science dalam negeri ini tidak di-jalankan dengan sunggoh<sup>2</sup> malah hanya di-ambil sadikit sahaja ia-iau menjahit dengan chara menyulam, potong baju budak dan memasak. Tetapi saya suka menerangkan di-sini yang betul-nya pelajaran rumah-tangga itu hendak-lah dengan lengkap. Dalam pelajaran rumah-tangga ini termasuk pelajaran kerajinan tangan—handicrafts, tetapi tidak di-sini seperti tenon membatek, menganyam, menyulam, membuat renda dan sa-bagai-nya yang patut diajar di-sekolah rumah-tangga. Di-sini belum ada di-jalankan dengan demikian rupa. Dalam soal ilmu kesihatan pula mereka dapat mempelajari anatomy ia-itu chara badan atau rangka manusia sa-hingga murid<sup>2</sup> itu mengetahui apa-kah penyakit itu dan bagaimana chara membasminya. Bagitu juga ilmu kira<sup>2</sup>—murid<sup>2</sup> yang melalui sekolah itu dapat mengadakan sechara perkiraan dalam belanja keluaran wang, masok tiap<sup>2</sup> bulan dan dengan ini mereka akan terlaluh menjalankan sa-chara ekonomi dalam house industry. Pelajaran ilmu bumi dan sejarah akan memberikan mereka itu pandangan yang bersejarah dalam tanah ayer-nya serta keadaan negerinya sendiri. Sa-sudah itu di-hantar keluar negeri untuk mendapat pengalaman yang akan menambahkan kechergasan kapada murid<sup>2</sup> itu dan apakah mereka sudah besar nanti tentu-lah mereka akan senang dimana akan terpilih menjadi sa-bagai pemimpin untuk menggantikan ibunya yang ada sekarang ini.

Berhubung dengan soal bahasa dalam sekolah rumah-tangga itu dimana Domestic Science harus dimasukkan juga bahasa kebangsaan supaya mereka mengenal dengan sechara lisan—tulisan yang lengkap dan terang mengenai soal berhubung dengan kerja hari<sup>2</sup> supaya mereka itu di-masukkan dengan keindahan bahasa kebangsaan dengan sunggoh<sup>2</sup>-nya. Ilmu kemasharakatan yang di-jadikan satu tugas bagi Domestic Science itu dapat

di-perhatikan hubungan manusia dengan masharakt yang mana mereka akan mendatangkan rasa keinsafan akan kewajipan dan sa-bagai-nya sebagai warga negara Persekutuan Tanah Melayu dan dalam hubongan itu pula akan di-pelajari budi pekerti, ‘adat istiadat dan budi bahasa yang halus. Pendek kata perkara ini sangat perlu bagi anak<sup>2</sup> perempuan kita pada masa sekarang ini dan pelajaran Domestic Science ini sa-bagaimana yang ada pada hari ini hanya di-ambil sa-bagi satu mata pelajaran sahaja di-sekolah<sup>2</sup>, tetapi saya minta kapada Menteri yang berkenaan sa-bagaimana kita telah mengambil chontoh di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dalam berbagai<sup>2</sup> kemajuan, maka chontohkanlah pula dalam soal memajukan, membanyakkan pendidikan wanita dalam negara kita ini. Ini sa-bagaimana yang telah di-jalankan oleh usaha Jawatan-Kuasa Wanita di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu.

Dalam soal ini kalau sa-kira-nya jawatan pegawai yang saya minta itu di-adakan maka dapat-lah beliau itu menyusun pada hari ini yang mana ada pegawai<sup>2</sup> wanita yang bernama sa-bagai: Executive Officer; Domestic Science Mistress (Lady Supervisor) dan ini berselerak sahaja seperti Johor Bharu yang hanya ada Domestic Science Supervisor nampaknya bagi sekolah Inggeris sahaja, jadi sekolah<sup>2</sup> Melayu anak<sup>2</sup>-nya menganggor sahaja, ta' payah anak<sup>2</sup> Melayu di-beri pelajaran Domestic Science tetapi yang perlu di-beri hanya anak<sup>2</sup> yang bersekolah Inggeris sahaja! Di-Kedah pula berlebeh di-mana ada Higher Executive Officer dan ada Domestic Science Mistress dan kalau kita tengok di-Perlis Iangsung ta' ada sama sa-kali. Kasehan anak<sup>2</sup> perempuan yang ada di-sana! Ini harus di-ambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan, kalau boleh beri-lah pegawai<sup>2</sup> wanita atau supervisor di-tiap<sup>2</sup> negeri dengan mana sama banyak mengikut anggaran negeri itu di-samping mengikut anggaran sekolah anak<sup>2</sup> perempuan yang ada dalam negeri itu.

Muka 123, sub-head 41 (2)—Grants to Secondary Schools. 42—Grants to Technical Education dan 43—Grants to Local Education Authorities. Ini

semua jikalau di-badingkan dengan keadaan ini maka saya merasa dengan sesunggoh-nya bahawa Kerajaan kita pada hari ini atau Kementerian yang berkenaan ini sangat sa-kali menganak tirikan kepada anak<sup>2</sup> perempuan. Ini sa-betul-nya, kerana peruntukan ini kebanyakannya di-khaskan h a n y a kepada anak laki<sup>2</sup> sahaja, tetapi chuba fikir dengan tenang-nya supaya dapat di-adakan peruntukan untuk tahun hadapan bagi k e m a j u a n anak<sup>2</sup> perempuan dan saya berbalek sa-mula kepada muka 121, sub-head 26—Training Rural Trade School Staff yang mana peruntukan yang ada pada hari ini hanya di-untokkan kepada anak laki<sup>2</sup> sahaja—tidak ada, jangankan satu, sa-tengah pun tidak ada bagi anak perempuan seluroh Persekutuan Tanah Melayu. Chuma yang ada hanya-lah bagi menjawab permintaan saya pada masa yang lalu dan mengikut Penyata Rahman Talib akan di-adakan Sekolah Lanjutan Kampong, dan disini akan di-untokkan beberapa sekolah lanjutan untuk anak wanita atau perempuan, tetapi ini bukan bererti menambah pendidekan jikalau sa-kira-nya sekolah laki<sup>2</sup> itu banyak di-buat sa-hingga tidak terhitong, sedangkan sekolah perempuan tidak ada di-buat. Saya suka menegaskan ia-itu saya minta dengan sunggoh<sup>2</sup>, bukan kerana saya sa-bagai wakil daripada P.M.I.P.—tidak, tetapi sa-bagai sa-orang ibu untuk seluroh anak Melayu dan anak tuan<sup>2</sup> juga—demi kepentingan anak wanita Melayu, maka tolong-lah wahai! Yang Berhormat (*Ketawa*) Menteri Pelajaran kabulkan-lah permintaan saya ini supaya membanyakkan sekolah bagi pendidekan anak perempuan kita di-Tanah Melayu ini.

**Enche' Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, di-samping saya mengalu<sup>2</sup>kan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pelajaran ini, saya suka berchakap sadikit perkara<sup>2</sup> yang mengenai negeri saya ia-itu Negri Sembilan, dan saya perchaya perkara itu ada juga berlaku di-lain<sup>2</sup> negeri. Yang pertama, berkenaan dengan Guru Pelawat. Saya tidak bersetuju chadangan sa-orang Ahli Yang Berhormat dari PAS. yang mengatakan, Juma'ah Nazir itu hendak-lah di-hapuskan, sa-balek-nya, saya fikir ada lebeh baik

Guru Pelawat itu di-hapuskan dari-pada Juma'ah Nazir. Sebab menurut Penyata Rahman Talib Guru Pelawat itu akan di-hapuskan ia-itu mengikut kehendak tiap<sup>2</sup> negeri itu. Saya dapati Guru Pelawat di-tempat saya bekerja sa-olah<sup>2</sup> seperti messenger ia-itu menyampaikan perentah daripada Pejabat Pelajaran ka-sekolah<sup>2</sup>, dan ada sekolah<sup>2</sup> itu sampai 3-4 bulan tidak pernah di-lawati-nya. Saya fikir dengan ada-nya Lembaga Pengurus dan Organiser of Schools di-tiap<sup>2</sup> negeri itu, jawatan itu tidak-lah mustahak lagi.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan guru<sup>2</sup>. Saya dapati pada masa sekarang ini walau pun guru<sup>2</sup> itu bekerja kuat atau tidak, layanan di-beri sama sahaja. Apa yang saya maksudkan ia-lah sa-orang guru yang bekerja betul<sup>2</sup> menjalankan tugas-nya patut-lah di-beri penghargaan. Saya rasa pada masa sa-belum merdeka dahulu, kenaikan gaji guru<sup>2</sup> itu di-dasarkan kapada berapa banyak murid yang lulus peperekesan, tetapi pada masa ini tidak ada lagi. Saya tidak bermaksud jika banyak murid yang tidak lulus increment-nya di-tahan; yang saya maksudkan ia-lah jika sa-saorang guru itu bekerja betul<sup>2</sup> hendak-lah di-beri penghargaan. Sebab saya pernah bertanya kepada sa-orang guru, kenapa di-sekolah che'gu kurang benar murid<sup>2</sup> yang lulus? Saya mendapat jawapan yang sangat menyedehkan kata-nya, walau bagaimana elok atau kurang yang lulus peperekesan, gaji saya bagitu juga. Perkara ini chukup menyedehkan, Tuan Yang di-Pertua, kerana perbuatan yang saperti ini pada fikiran saya ia-lah pechah amanah ibu-bapa yang anak<sup>2</sup>-nya belajar di-situ.

Saya suka berchakap apa yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ia-itu apabila kita mengadakan Bulan Bahasa, parti-nya akan bekerjasama, kerana itu-lah tujuannya. Saya fikir ini ada-lah satu pekerjaan yang baik, ini ada-lah di-sebabkan oleh keinsafan Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu hanya bahasa Melayu yang patut di-gunakan dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Dan saya harap jangan-lah hendak-nya Ahli Yang Berhormat itu menchari jalan sahaja, kerana pada masa yang sudah P.P.P.

telah memboikot Minggu Bahasa Kebangsaan. Walau pun ia memboikot-nya, tetapi Minggu Bahasa Kebangsaan itu berjalan dengan baik, dan saya harap pada masa yang akan datang berjalan dengan baik juga.

Berkenaan dengan rayuan daripada wanita tadi, perkara itu saya memang suka, tetapi saya rasa Ahli Yang Berhormat itu sa-bagai wakil ra'ayat patut merayu bukan kaum wanita sahaja tetapi juga kaum bapa.

Oleh kerana masa tidak banyak, sa-kian-lah uchapan saya.

**Enche' Ahmad bin Haji Yusof (Krian Darat):** Tuan Yang di-Pertua, kerana menghormati kehendak Tuan Yang di-Pertua supaya berchakap pendek, saya tidak-lah hendak berchakap panjang, melainkan saya h e n d a k berchakap satu dua perkara . . .

**Mr. Speaker:** Terima kaseh.

**Enche' Ahmad bin Haji Yusof:** . . . oleh kerana hendak memendekkan masa, saya suka menarek perhatian pada Sub-head 46 dan 70 yang mana dua<sup>2</sup> perkara ini saya satukan ia-itu memberi bantuan kapada sekolah Islam menengah dan rendah; perbelanjaan-nya pada tahun ini telah di-untokkan sa-banyak \$2½ juta. Ini ada-lah satu peruntukan yang sangat besar dan patut-lah di-beri tahniah dan pujian kapada Menteri yang berkenaan yang telah meninggikan taraf pelajaran ugama Islam dengan baik-nya dalam negeri ini.

Saya hendak menarek perhatian kepada jawapan Penolong Menteri Pelajaran kapada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Enche' Ahmad Arshad beberapa hari yang lalu ia-itu . . .

**Mr. Speaker:** Jangan sebut nama.

**Enche' Ahmad bin Haji Yusof:** . . . wakil Muar Utara beberapa hari yang lalu ia-itu telah menerangkan bahawa sekolah ugama yang telah di-beri bantuan sa-tengah oleh Kerajaan ia-lah berjumlah 328, dan ada lagi sekolah ugama yang belum mendapat bantuan. Jadi kita berharap Menteri yang berkenaan supaya dapat memberi

bantuan kapada sekolah ugama ra'ayat yang bertaboran di-merata negeri ini yang belum lagi mendapat bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat terkejut bila masa salah sa-orang wakil PAS, ia-itu wakil dari Pasir Puteh tadi ada membuat tuduhan terhadap Kerajaan bahawa Kerajaan dalam memberi bantuan sekolah ugama ra'ayat ada 'memileh kaseh'.

Sa-panjang pengetahuan saya, adalah tujuan menjalankan itu bukan-lah sa-chara memileh kaseh boleh jadi bantuan yang telah di-lakukan itu adalah sa-chara kebetulan sahaja. Kerana saya dapat tahu dalam surat khabar ada beberapa buah sekolah ugama ra'ayat yang guru<sup>2</sup>-nya menjadi ahli politik PAS. Bagitu juga Jawatan Kuasa-nya ada-lah terdiri daripada ahli<sup>2</sup> PAS tetapi bantuan maseh berjalan pada masa sekarang ini. Jadi, nyata-lah, Tuan Yang di-Pertua, tuduhan ini ada-lah berdasarkan rasa takut atau rasa bimbang hilang pengaroh PAS di-tempat itu. Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menarek perhatian kapada pehak Menteri yang berkenaan ia-itu berkenaan pengaroh ugama Kristian di-sekolah<sup>2</sup> rendah atau di-sekolah<sup>2</sup> Inggeris.

**Mr. Speaker:** Di-bawah item berapa?

**Enche' Ahmad bin Haji Yusof:** Di-bawah Item 30, 40 dan 46.

**Mr. Speaker:** Muka!

**Enche' Ahmad bin Haji Yusof:** Muka surat 124 Sub-head 70. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kapada Kementerian ini supaya mengawasi benar<sup>2</sup> di atas pengaroh ugama Kristian kapada anak<sup>2</sup> orang Islam baik di-mana sekolah sa-kali pun.

**Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok):** Kerana dia menyebutkan Sub-head nombor 70, jadi saya tidak faham.

**Mr. Speaker:** Please proceed.

**Enche' Ahmad bin Haji Yusof:** Kerana kita dapati dalam Utusan Melayu gemparan waktu pelajar<sup>2</sup> di-sekolah<sup>2</sup> rendah di-Ibu Kota. Jadi, saya dapati pengaroh ugama Kristian bukan sahaja menyala di-sekolah<sup>2</sup> di-Ibu Kota

ini tetapi di-dalam kawasan saya pun ada sungutan daripada ibu bapa bahawa anak<sup>2</sup> mereka telah di-paksa belajar ugama ini. Jadi, perkara ini patut di-awasi oleh pehak Menteri yang berkenaan.

Perkara yang penghabisan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah di-muka 125 Sub-head 78. Grant to Muslim College. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat bahawa bahagian yang akan di-berikan pada tahun hadapan ia-lah \$143,500. Saya fikir ini satu jumlah yang besar lebuh daripada tahun yang lalu. Kita sangat-lah timbang rasa dengan pehak Kementerian Pelajaran ini kerana di-dalam menjalankan terhadap dasar di-dalam Perlembagaan kita ia-itu ugama Islam ia-lah ugama rasmi tentu-lah tidak boleh di-jalankan dengan serta merta, atau pun dengan sa-kali gus. Bahkan berkehendakkan dengan chara beransor sadikit demi sadikit. Tetapi dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada orang menudoh bahawa pehak Kerajaan ini telah tidak mempedulikan atau menganak-tirikan College Islam ini sa-bagaimana di-buat oleh Ketua Pelajaran College Islam beberapa bulan yang lalu. Jadi, tuduhan saperti itu nyata-lah untok mengelirukan orang ramai supaya tidak memperchayai dengan Kerajaan Perikatan pada masa sekarang ini.

**Enche' S. P. Seenivasagam (Menglembu):** Mr. Speaker, Sir, what I have to say will not take more than three or four minutes.

This morning the Member for Ipoh gave an assurance that in so far as the People's Progressive Party is concerned, we will support the National Language Month. At the same time, he explained certain untoward incident which occurred during the National Language Week, and he expressed the hope that it would not be repeated this time and that if everybody treated this as a purely voluntary move, then things would go on smoothly. An Honourable Member of a constituency in Negri Sembilan—I am afraid I cannot read out his constituency, but it is in Negri Sembilan—thought fit to refer to the matter again. I thought I detected a sort of defiance from him—

I may be wrong, but that is the impression I got—that whether you support it or not, it is still going to be all right; but I hope that is not his attitude, and that is also not the attitude of the Government. We offer our support in good faith, and I hope it will be accepted. But as was said this morning, we do hope that it will not again be marred by any threats, because, as I said, the basis for success is that it must be purely voluntary. If that is observed, we, on our part, assure the Government of our full support in the National Language Month.

Again, the Honourable Member said that he is glad we realise now that Malay must be the language to be used in this country. We have never questioned the fact that Malay is the National Language of this country, but at the same time I would be sorry if any Honourable Member were to misunderstand our point of view because, I think, it is necessary to make it clear that although we have always supported the National Language to be Malay, at the same time I would like to make it quite clear that we have never deviated, and will not deviate, from our stand that there should, and there must be, official recognition of the Chinese and Tamil languages as well.

Now, I am glad to find in this House that there is at least one Member of the Alliance who, in fact, supports our stand on the Education Policy, and that is the Member from Sitiawan who agreed with us that the question of education is a matter which should be left in the hands of the Chinese educationists in this country. That is what we have always been saying, and that is what the Member, whether consciously or unconsciously, has the courage to state in this House today. But one thing is clear: the Chinese educationists, like Mr. Lim Lian Geok and the Chinese Teachers Union, have already made their stand clear and I think their views are before the Government. They have unconditionally and unreservedly condemned the present and future policy. Therefore, if they will hearken to the advice of their own

Member, I think they will agree with the People's Progressive Party that the time has come for a review of the present policy on Education.

There was one regrettable incident in the speech of the Honourable Member for Sitiawan—he was obviously in great anxiety to make his point with force and he used certain language. But I would like to assure him that we are not cheats; we have not cheated anybody. What we say, we say in good faith. And certainly we have not cheated anybody in the sense, for example, of swindling any Chinese school funds, or being kicked out of the Board of Management of any Chinese school for swindling those funds. Therefore, I would urge the Honourable Member to think twice before he calls other people cheats.

**Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam):** Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap berhubong dengan Dewan Bahasa dan Pustaka di-muka 124 Sub-head 76 dan di-muka 125 Sub-head 80, National Language Month (Bulan Bahasa Kebangsaan). Saya uchapkan tahniah di atas tambahan perbelanjaan sa-banyak \$1,252,000 yang di-untokkan kapada Dewan Bahasa dan Pustaka ini yang mana tambahan ini ada-lah dikehendaki untuk mengembangkan dan meninggikan lagi taraf bahasa Melayu yang telah di-akui sa-bagai bahasa Kebangsaan di-dalam negara Persekutuan Tanah Melayu kita ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun yang lepas bagi pehak Dewan Bahasa dan Pustaka ini telah pun melancharkan gerakan Minggu Bahasa Kebangsaan dan dengan ada-nya gerakan yang pertama itu nampak-lah kesan<sup>2</sup> kejayaan Minggu Bahasa itu sa-bagaimana yang kita nampak saperti di-bandar Kuala Lumpur ini banyak sekali papan kenyataan dan tanda<sup>2</sup> jalan raya di-tukarkan dengan bahasa Kebangsaan kita. Pejabat<sup>2</sup> pun menggunakan banyak sekali urusan<sup>2</sup>-nya di-dalam bahasa Kebangsaan kita. Tetapi sunggoh pun bagitu tidak-lah dapat kita nafikan bahawa ada beberapa kekurangan atau pun kekurangan gerakan Minggu Bahasa yang di-jalankan

itu ia-itu dalam sa-tengah<sup>2</sup> Jabatan Kerajaan maseh banyak lagi mereka<sup>2</sup> itu tidak ada mempunyai semangat bahasa Kebangsaan di-dalam jiwa-nya. Saumpama yang saya katakan di-sini ia-itu d a l a m m a s a melancharkan Minggu Bahasa Kebangsaan di-mana Jabatan Talikom terutama sekali operator<sup>2</sup>-nya bersunggoh<sup>2</sup> menggunakan bahasa Kebangsaan sa-hingga sekali<sup>2</sup> kita tersilap menyebutkan ia-itu kita meminta tolong-lah sambongkan k a p a d a D.O.'s Office, tetapi mereka mengajar pula kita, kata-nya: Pejabat Pegawai Daerah. Tetapi apa yang mendukachitakan setelah terbit sahaja mata hari selesai Minggu Bahasa Kebangsaan tersebut maka tidak lagi kita mendengar operator<sup>2</sup> itu menyebutkan: Nombor berapa Enche'? Di-sebalek-nya ia bertanya: Number please. Bagitu juga ada sa-tengah<sup>2</sup> tempat perniagaan yang telah mengoyukkan poster<sup>2</sup> Minggu Bahasa Kebangsaan yang telah di-tampal di-tempat mereka setelah sahaja terbit mata hari Minggu Bahasa Kebangsaan itu dengan mengatakan Minggu Bahasa Kebangsaan telah habis.

Maka dengan ini pada pendapat saya tidak-lah ada erti-nya Minggu Bahasa Kebangsaan itu sekira-nya Minggu Bahasa Kebangsaan itu berjalan pada minggu itu sahaja tetapi tidak di-amalkan seterus-nya. Sa-bagaimana yang kita ketahui bagi pehak Dewan Bahasa dan Pustaka akan melancharkan lagi Bulan Bahasa Kebangsaan pada awal bulan hadapan ini dan kita berharap supaya Bulan Bahasa Kebangsaan itu tidak-lah habis dalam bulan-nya sahaja, tetapi kita berharap semangat bahasa Kebangsaan itu akan meresap ke seluroh jiwa warga negara Persekutuan Tanah Melayu ini dan saya perchaya bagi pehak Dewan Bahasa dan Pustaka akan melancharkan bulan itu pada tiap<sup>2</sup> tahun.

Saya juga berharap supaya Jawatan Kuasa Bulan Bahasa Kebangsaan ini akan menimbangkan masa u n t o k melancharkan Bulan Bahasa Kebangsaan ini yang akan di-kenakan agak-nya pada hari kita mengadakan meshuarat Dewan Ra'ayat dan dengan

yang demikian dapat-lah kita mendengar Ahli<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat ini yang mana saya perchaya ada mempunyai semangat bahasa Kebangsaan khas-nya dari bangsa<sup>2</sup> asing yang bukan Melayu berchakap dalam bahasa Kebangsaan dalam Dewan kita yang mulia ini. Di-samping itu saya berharap juga supaya pehak Dewan Bahasa dan Pustaka dapat menganjorkan orang<sup>2</sup> kita Melayu supaya berchakap atau bersharah mengikut telor Melayu dan tidak pula kebaratan.

Sa-perkara lagi yang saya suka hendak berchakap berhubong dengan beberapa kepala berkenaan dengan kerja guru<sup>2</sup> dalam Anggaran Perbelanjaan kita pada hari ini ia-itu tentang pengawalan kapada murid<sup>2</sup> bagi membacha buku<sup>2</sup> selain daripada buku<sup>2</sup> mata pelajaran persekolahan seperti buku<sup>2</sup> cherita dan pengetahuan 'am. Saya dapati satu daripada kelemahan murid<sup>2</sup> dalam mata pelajaran-nya selama mereka itu tidak di-kawal oleh sa-tengah<sup>2</sup> guru serta ibu bapa khas-nya membiarkan murid<sup>2</sup> itu membacha buku<sup>2</sup> comic yang boleh di-katakan beransor *k e b u d a y a a n k u n i n g* sa-bagaimana yang saya tunjukkan di-sini. Saya dapati di-sini bahawa kebanyakan murid<sup>2</sup> sekolah khas-nya murid<sup>2</sup> dari sekolah Inggeris Perempuan yang terlalu galak membacha dan bertukar<sup>2</sup> buku dan kadang<sup>2</sup>-nya bertukar dengan murid laki<sup>2</sup>.

Saya berpendapat dengan ada-nya hal ini maka tentu-lah akan melemahkan pelajaran pada murid<sup>2</sup> itu yang menyebabkan mereka akan tidak lulus dalam pepereksaan-nya. Dengan yang demikian saya meminta kapada guru<sup>2</sup> khas-nya kapada Kementerian Pelajaran supaya mengawasi dan melarang kapada murid<sup>2</sup> sekolah yang membacha buku<sup>2</sup> yang di-sifatkan sa-bagai *kebudayaan kuring* itu.

**Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di-sini mengalu<sup>2</sup> kan dengan sukachita-nya kerana bertambahnya Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1961 kerana pelajaran ia-itu anggaran yang sa-habis<sup>2</sup> besar sekali dalam Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian ini. Dan dalam tahun ini

saya telah berchita<sup>2</sup> kira-nya di-besar-kan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1961 maka tak dapat tidak jawatan<sup>2</sup> kaum ibu atau pun wanita itu akan ada lebih daripada yang biasa-nya. Saya telah mengikut serta bersama<sup>2</sup> bertungkus-lumus dalam pelajaran semenjak tahun 1922 tak lepas satu masa pun saya mengikut bagaimana gerakan-nya.

Sekarang saya berasa amat sukachita kerana jawatan yang belum ada lagi, melainkan beberapa tahun dahulu di-negeri Johore sahaja yang ada jawatan Lady Supervisor, tetapi sekarang ini nampak-nya jawatan Lady Supervisor itu ada di-dalam estimate 1961 bagi 6 buah negeri, melainkan yang tak ada ia-laoh di-negeri Johore, Perlis, Trengganu, Kelantan dan Selangor. Hanya di-Johore dahulu ada satu sahaja ia-itu saya sendiri tetapi sa-telah saya pen-chen maka jawatan itu kosong sahaja, kerana tak ada orang. Bukan salah Kerajaan tak hendak beri, tetapi orang tak mahu kerana gaji-nya pada masa itu tersangat kecil, yang sanggop menerima gaji yang kecil itu ia-laoh saya sendiri (*Ketawa*) kerana saya ter-lalu suka bekerja dalam lapangan itu. Apabila sudah ada 6 buah negeri jawatan Lady Supervisor dalam tahun 1961 ini maka saya perchaya Kementerian Pelajaran akan mengadakan 5 jawatan lagi bagi 5 buah negeri yang belum ada itu pula. Bukan satu Lady Supervisor seperti yang ada di-negeri Pahang tetapi sekurang<sup>2</sup> nya 2 dan bagitu juga di-negeri<sup>2</sup> lain terutama yang banyak sekali dalam kampong hendak-lah Penolong Penyelia Sekolah Perempuan Kebangsaan Melayu itu ditambah lagi, supaya dapat menyelia-kan pelajaran<sup>2</sup> yang sa-chuchok betol<sup>2</sup> di-beri oleh orang<sup>2</sup> perempuan kapada kaum sa-jenis-nya.

Ini bukan berma'ana jawatan itu sahaja yang di-kehendaki, tetapi apa-bila ada jawatan Lady Supervisor di-tiap<sup>2</sup> negeri maka saya perchaya pada masa akan datang nanti saperti mana yang ada di-negeri ini pada masa ini jawatan Menteri Muda Pelajaran maka akan datang saya harap wanita pun akan menjadi Menteri Muda, sebab pada masa sekarang banyak wanita<sup>2</sup> Melayu yang sudah lulus dari University dengan mendapat ijazah B. A. dan

nanti tentu ada yang lulus ijazah M.A. dan bermacham<sup>2</sup> lagi.

**Mr. Speaker:** Itu sudah terkeluar nampaknya!

**Puan Hajjah Zain binti Sulaiman:** Ini permintaan—rayuan.

**Mr. Speaker:** Tak ada kena-mengena dengan perkara ini!

**Puan Hajjah Zain binti Sulaiman:** Dalam perkara Minggu Bahasa dahulu hanya satu minggu sahaja, sekarang pula Bulan Bahasa Kebangsaan. Saya perchaya Bulan Bahasa Kebangsaan ini akan kekal, seperti bulan di-langit itu kekal sahaja—bagitu-lah dengan keadaan Bulan Bahasa. Saya minta disini terutama kepada kawan<sup>2</sup> Ahli Yang Berhormat yang belum pandai lagi dalam bahasa Kebangsaan belajar-lah rajin<sup>2</sup> supaya semua nanti boleh berchakap dalam bahasa Kebangsaan dengan fasih dan bagus.

**Enche' Tan Cheng Bee (Bagan):** Mr. Speaker, Sir, I refer to page 108, Federal Examinations Syndicate. It appears that too much stress is being laid on the English language. Students, who pass the L.C.E. Examination with distinctions in various other subjects but obtain mere passes in the English Language, do not qualify for promotion. The fault I find about this is that a child, who can get extremely good results in various subjects other than English but who obtains mere passes in the English Language, surely has a good command of the English Language to be able to answer the various other subjects so well, (because the medium of examination is the English language in these subjects). The other argument I present is that in very many cases in school life, a child who does not show any brilliance in any subject when he or she is about 14 or 15 years of age, suddenly changes in the short period between then and the time when he or she gets to the School Certificate Class. If this policy persists, I can imagine the large number of brilliant scholars we are going to nip before they really bud.

Mr. Speaker, Sir, perhaps, if I may, a suggestion to solve this problem will lie in following the system of classifi-

cation or grading of successful candidates into, say, three groups following the pattern of the Cambridge Examinations Syndicate. The award of points will be on all subjects, and we can, of course, rule that those without credits in English Language cannot qualify for the First Grade, but that they can still qualify for the Second Grade which should also qualify them for promotion. Suppose we agree on these three grades, we can allow promotions for those who obtain the First or Second Grade, and those who obtain only Third Grade can be considered unfit for promotion. This suggestion embodies the principle that promotion is based on the average general attainments of the pupil instead of on certain necessary individual qualifications. I do not suggest, however, that even those who fail in the subject or necessary subject should be promoted, but my stress is again made on the fact that those who pass brilliantly in many other subjects but who merely obtain "a pass" in the English Language should not, for that reason of not obtaining a credit in the English Language, be barred into fields of further education or into path that leads to further education.

Sir, I come to page 119, Section IX, Government Posts in Appendix C. I understand that a moratorium on promotion for graduate teachers and senior teachers has been in existence since 1958, and this has so far not been lifted. I know that a good number of senior teachers and senior graduate teachers are waiting for promotion to special grade or superscale appointments. But this long delay in considering the due promotion of these officers has caused much discontent among them and, if further delayed, it would affect the efficiency of their service. I therefore ask the Ministry to consider their promotion as soon as possible.

Another matter I would like to refer to—and I think I do not want here to repeat because it has already been mentioned by the Honourable Member for Seberang Selatan—is about the Unified Scheme. I understand that the Unified Scheme has not yet been implemented, although the Minister has promised previously to do so.

However, it appears that the Unified Scheme has already been implemented in respect of newly appointed teachers.

Another point I would like to raise is about Grants to L.E.A.s, appearing on page 123. I think this Grant also includes the construction of primary schools. If that is so, I would like to request, in the construction of primary schools—that this money be expended equally in proportion among the Malay, English, Tamil and Chinese Schools, based strictly on the demand for classes and on nothing else. It has been declared that parents of school-going children have absolute choice of the medium of instruction for their children. Therefore, it is imperative that if the demand (which will be gauged by registration by parents) exists the supply must accordingly be forthcoming. Thank you.

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi beberapa pandangan berkenaan dengan Kementerian ini yang saya rasa tidak-lah memakan masa yang terlalu panjang, kerana sahabat<sup>2</sup> saya telah menyebutkan beberapa hal. Saperti mana yang telah saya menyatakan kapada Kementerian yang lain ia-itu sa-suatu masharifikat itu akan pinchang, Tuan Yang di-Pertua, manakala terdapat di-dalam masharifikat itu tidak ada persaimbangan dalam pelajaran dan pendidikan. Kalau dalam perniagaan kita sudah tidak mempunyai persaimbangan, maka dalam pelajaran ini juga kalau kita melihat dengan teliti dan dengan tulus ikhlas akan terdapat bahawa masharifikat kita dari segi pendidikan dan persekolahan tidak sama sa-imbang. Sekolah Melayu yang sekarang di-panggil sekolah kebangsaan itu tidak sama kedudukan dan layanan-nya dengan sekolah Inggeris yang di-sebut sekolah jenis kebangsaan sekarang.

Oleh itu, supaya negeri kita ini mencapai satu taraf yang sama dan dalam negeri kita ini tidak ada rasa shak wasangka di-antara satu gulongan dengan yang lain, maka mustahak-lah di-perhatikan oleh Kementerian ini dimana letak-nya, kerendahan dan kemundoran pelajaran dan pendidikan

sekolah Melayu yang di-namakan sekolah kebangsaan itu.

Yang amat mendukachitakan saya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah layanan kepada sekolah kebangsaan atau kepada sekolah Melayu itu, kalau kita bandingkan dengan sekolah Inggeris, saya nampak canteen sekolah-nya lebih baik dan lebih mahal daripada sa-buah sekolah kebangsaan Melayu. Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya yang kecil saperti ini, saya harap Kementerian ini supaya dapat anak kita itu menjadikan sekolah yang dimaksudkan ia-itu sekolah kebangsaan itu tempat mereka belajar dan tempat mereka mengerti hal keadaan dunia ini pada masa yang akan datang, maka mesti-lah ada penarekan serta layanan<sup>2</sup> yang sesuai di-antara beberapa sekolah di-bawah Kementerian ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita ingin hendak menjadikan satu masharifikat itu sama di-antara masalah pendidikan dan pelajaran ini, maka Kementerian ini telah mendapat peruntukan yang terbanyak sa-kali. Peruntukan yang terbanyak sa-kali yang di-untokkan kapada Kementerian ini tentu-lah dengan sebab, antara lain<sup>2</sup>, ia-lah hendak melahirkan satu bentuk dan chorak kebangsaan yang tunggal dalam negeri ini. Satu dari pada pokok-nya ia-lah bahasa kebangsaan sa-bagaimana yang di-untokkan dalam perbelanjaan ini sa-banyak \$50,000 kerana Bulan Bahasa Kebangsaan.

Saya rasa, Bulan Bahasa Kebangsaan yang dahulu-nya telah pun kita adakan Minggu Bahasa Kebangsaan dan sekarang kita telah meningkat kapada Bulan Bahasa Kebangsaan maka patut-lah Kementerian ini dapat membuat suatu penyata bagaimakah kejayaan yang telah di-buat pada masa<sup>2</sup> yang telah lalu dan apa yang akan di-buat pada masa yang akan datang. Teringat saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam bentuk National Language Month ini ia-itu Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, waktu di-dalam uchapan-nya pernah mengatakan kalau orang luar datang ka-Ibu Kota Persekutuan Tanah Melayu ini atau datang ka-Tanah Melayu ini mereka akan lupa bahawa negeri ini

ia-lah Persekutuan Tanah Melayu. Sebab segala sain Board di-kedai<sup>2</sup>, segala tulisan<sup>2</sup> di-kedai<sup>2</sup> tidak ada nampak tulisan Melayu atau tulisan romanais, yang nampak ia-lah tulisan halia dan tulisan pusing<sup>2</sup> serta tulisan Inggeris. Sebab itu, kata Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka amat-lah dukachita sa-kali kepada kita, kalau orang luar datang ka-negeri ini tidak ada nampak bentuk ka-Melayuan atau Kebangsaan dalam negeri ini. Sa-hinggakan orang yang mengetahui diri-nya sa-bagai ra'ayat negeri ini sendiri tidak menghormati bahasa Kebangsaan negeri-nya sendiri, tidak mahu menulis dan tidak mahu berbahasa Melayu malah ada orang yang mengatakan jangan di-paksa kami mempelajari bahasa Kebangsaan. Kita sa-bagai suatu negara yang mengakui Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa resmi, tidak mahu kita memaksa sa-saorang tetapi yang mengakui diri-nya sa-bagai ra'ayat negeri ini mesti-lah memaksa diri-nya, saya sa-bagai ra'ayat negeri ini, saya mesti tahu menghargai bahasa Kebangsaan negeri ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang mendukachitakan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; saya bagi pehak PAS di-sini menyertai keduka-chitaan-nya itu dan mudah<sup>2</sup>an dalam Bulan Bahasa Kebangsaan ini akan dapat betul<sup>2</sup> mempelopori dan wang sa-banyak \$50,000 akan dapat betul<sup>2</sup> berfaedah bagi menjayakan bahawa Bahasa Kebangsaan dan jiwa bahasa Kebangsaan itu makin lama makin merebak dan nyata dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masok sekarang kapada Sub-head 78. Grant to Muslim College yang di-untokkan sa-banyak \$143,500. Berkenaan dengan Grant to Muslim College, saya suka-chita mendengar bahawa Menteri ini sudah pun menyatakan bahawa sijil kapada murid<sup>2</sup> yang keluar daripada Muslim College ini di-akui. Tetapi di-akuui sijil dengan tidak ada satu dasar tentu-lah akan merugikan kapada murid<sup>2</sup> yang belajar di-situ. Sebab murid<sup>2</sup> yang belajar di-situ ia-lah menuntut ilmu pengetahuan di-College Islam di-Klang itu, bukan-lah murid<sup>2</sup> yang tidak berfaedah atau pun ber-pengetahuan yang ang berfaedah di-pelajari-nya malah mereka sama

sa-darjat kalau ta' lebeh sama dengan sekolah menengah atau pun sekolah jenis school certificate yang di-pelajari oleh murid<sup>2</sup> di-sekolah Inggeris. Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mengaku sijal sa-bagai sijal yang laku hendak-lah juga di-adakan jadual<sup>2</sup> atau chara<sup>2</sup> bagaimana-kah sijal Muslim College itu dapat laku benar<sup>2</sup> dan dapat di-terima oleh Kerajaan sa-bagai anggota yang ber-faedah dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua; ini pendek<sup>2</sup> sahaja, 76. Dewan Bahasa dan Pustaka tadi. Kembali kapada mem-perkatakan soal Dewan Bahasa dan Pustaka, sesuai hendak mengembangkan bahasa Kebangsaan maka saya minta di-dalam sekolah Melayu atau sekolah Kebangsaan, sekarang ini; saya telah belajar sekolah Kebangsaan dahulu, Chanai Bachaan itu-lah yang menjadi buku bacaan di-sekolah, sekarang pun rasa-nya tidak berubah. Dan banyak buku<sup>2</sup> yang sudah lebh tua daripada umor Menteri, maseh juga di-ajar di-sekolah Kebangsaan. Pada hal sekolah Inggeris atau yang bukan sekolah Melayu, tiap<sup>2</sup> tahun bertukar buku<sup>2</sup> pelajaran-nya tetapi buku<sup>2</sup> di-sekolah Kebangsaan sampai muak kita menengok-nya dan sudah sampai menjadi belachan itu pun maseh juga di-ajar kapada kanak<sup>2</sup>. Kadang<sup>2</sup> di-dalam buku<sup>2</sup> itu terdapat cherita dongeng ia-itu 'Sang nila nustapa memanahkan anak panah-nya ka-langit memanchar-lah chahaya-nya keluar-lah bagitu dan bagini'. Ini semua soal yang sudah karut marut dan patut Dewan Bahasa dan Pustaka membuat buku<sup>2</sup> baharu untok di-ajar di-sekolah<sup>2</sup> sesuai dengan perkem-bangan dan sesuai dengan kedudukan kita sa-bagai sa-buah negara yang merdeka. Apa yang saya dapat tahu di-dalam tawarikh yang di-pelajari di-sekolah<sup>2</sup> Kebangsaan itu tidak ter-dapat sa-benar<sup>2</sup> tawarikh bagaimana-kah Kerajaan Melayu dahulu, bagai-mana-kah kedudukan-nya, siapa-kah pahlawan<sup>2</sup> dan siapa-kah pemimpin-nya yang telah memerentah negeri ini dahulu, tidak ada. Yang ada ia-lah nama orang Eropah saperti nama Napoleon yang lain lupa-lah mereka itu kapada pemimpin<sup>2</sup>-nya sendiri dan

lupa-lah mereka sejarah negara-nya sendiri. Sebab itu, saya menarek perhatian kapada Dewan Bahasa dan Pustaka sa-lain daripada menterjemah buku<sup>2</sup> lain kapada bahasa Melayu maka menterjemahkan juga buku<sup>2</sup> Arab, bu k u<sup>2</sup> Inggeris k a-b a h a s a Melayu dan ikhtiar-lah juga supaya bachaan<sup>2</sup> di-sekolah Kebangsaan itu di-perlebehkan lagi dari satu masa ka-satu masa.

Kemudian, saya pergi kapada Sub-head 70 ia-itu Aid to Non-Government Muslim Religious School, bantuan kapada sekolah yang bukan di-punyai oleh Kerajaan. Tadi, kawan<sup>2</sup> saya sudah berchakap dalam soal ini dan saya tidak hendak berchakap lebih panjang dalam perkara ini chuma telah di-tambah salah sa-orang anggota Yang Berhormat di-sini yang mengatakan bahawa fikiran yang dikemukakan oleh kami Persatuan Islam sa-mata<sup>2</sup> kerana takutkan kapada hilang-nya pengaroh PAS. Sa-benarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah kami takut kapada hilang-nya pengaroh Persatuan Islam di-sa-buah sekolah tetapi kami meminta keadilan, kami mahu keadilan sebab apa yang di-tulis oleh Perikatan di-dalam perjuangan-nya untuk keadilan, kami mahu keadilan itu sekarang supaya keadilan itu jangan-lah ada paksaan, jangan-lah ada tekanan dalam melaksanakan keadilan. Di-dalam memberi bantuan kepada sekolah<sup>2</sup> ugama ra'ayat ini, Tuan Yang di-Pertua, ada satu jawatan kuasa sa-bagai menjadi hubongan di-antara sekolah ra'ayat itu dengan Kementerian Pelajaran. Saya dapat sekolah<sup>2</sup> di-mana ada orang PAS kata-lah bagitu, orang ini hanya sa-bagai guru sahaja sudah di-paksa kamu mesti meletakkan jawatan dan keluar daripada kerja ini kalau sekolah ini hendak bantuan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada sa-buah sekolah Da'atul Ma'ari Wafamiah di-Seberang Perai dan mudir-nya atau principal-nya sendiri menjadi anggota Dewan Negeri dan active di-dalam U.M.N.O. . . . .

**Mr. Speaker:** Perkara ini sudah di-ulang banyak kali, saya rasa tidak kurang tiga atau empat orang telah berchakap. Jangan di-ulangkan lagi.

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Saya tadi, Tuan Yang di-Pertua, tiada hendak berchakap tetapi perkara ini telah di-sentoh. Jadi, untuk merengkaskan kalau sakira-nya sekolah Da'atul Ma'ari Wafamiah mudir-nya sa-orang Councillor—orang kuat U.M.N.O. tidak di-tegah berpolitik, kenapa-kah sa-buah sekolah yang lain di-Kelantan mithal-nya, di-tegah orang itu berpolitik kerana dia masok Persatuan Islam, di-mana-kah keadilan, kami mahu itu keadilan. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, bukan kami takut hilang pengaroh tetapi beri-lah bantuan itu sachara adil.

Tuan Yang di-Pertua, pergi-lah saya kapada instruction ia-itu Sub-head 46. Sub-head 46 ini ia-itu Grant guru<sup>2</sup> ugama yang mengajar di-sekolah rendah dan sekolah menengah. Sekolah menengah dan sekolah permulaan ini akan di-masoki oleh guru<sup>2</sup> ugama dalam sekolah itu, say a rasa, mustahak-lah yang pertama sakali hendak-lah di-letakkan tangga gaji-nya sebab guru yang akan datang itu tidak dari satu jurusan, datang dari sekolah ini, datang dari sekolah sana. Jadi, sekolah ini kurang pelajaran-nya dan guru di-sekolah yang lebih pelajaran-nya itu akan di-ambil. Sebab itu sa-belum ia itu mengajar di-sa-buah sekolah hendak-lah di-buat taraf gaji—bentuk gaji-nya dan k a l a u sakira-nya dalam sekolah itu kalau ada empat orang guru yang mengajar maka sa-orang daripada-nya hendak-lah di-jadikan guru besar dan guru ini hendak-lah di-ambil daripada kelulusan College Islam yang kita telah meng'itiraf sijil-nya menjadi pengetua dari guru<sup>2</sup> ugama di-sekolah rendah.

Satu hal yang menarek hati saya seperti mana yang di-sebutkan oleh sahabat saya tadi berhubong dengan pendidekan yang telah di-masukkan ke-dalam Sekolah Inggeris ia-itu siaran<sup>2</sup> Christian. Saya menyokong apa yang di-sebutkan oleh sahabat saya dan saya merasa dukachita di atas kelalaian Kementerian ini bagi memerhatikan kedudukan yang seperti ini, sebab selama kita membiarkan segala anasir<sup>2</sup> itu berkeliaran masok kapada tiap<sup>2</sup> pelajar dan tiap<sup>2</sup> pendidekan baik di-Sekolah Rendah mahu pun di-Sekolah

Menengah yang akan membuat satu kerumitan di-belakang hari kelak, maka dengan ini terjadi-lah . . . .

**Mr. Speaker:** Nampaknya lagi sekali di-ulang perkara yang telah dibangkitkan itu. Sudah berapa kali saya dapat. Tadi kata pendek sangat!

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya menyokong sahabat saya dalam soal ini. Oleh itu saya minta Kementerian ini menyelidiki dari mana-kah sumber penyiaran itu datang berhubung dengan ajaran Christian itu dan siapa-kah guru besar yang membenarkan menerima siaran itu. Di-samping itu patutlah Kementerian ini mengambil perhatian yang betol<sup>2</sup> terutama guru<sup>2</sup> ugama yang mengajar di-sekolah itu hendak-lah juga saperti yang saya katakan tadi di-buat satu skem, kemudian di-jadikan orang ketua guru bagi mengawasi guru<sup>2</sup> yang lain.

Kembali saya kapada soal persekolahan yang saya ingin menyatakan satu hal sahaja berhubung dengan negeri Kelantan di-mana ada beberapa banyak Sekolah<sup>2</sup> Ra'ayat yang kalau saya tak silap ada lebih kurang di-antara 33-38 buah Sekolah Ra'ayat yang di-dirikan oleh ra'ayat sendiri yang berkehendakan pendaftaran. Ketua Pelajaran Negeri Kelantan telah pun menghantar surat permintaan-nya kepada Kementerian Pelajaran supaya sekolah<sup>2</sup> itu di-terima oleh Kementerian Pelajaran, tetapi sayangnya Kementerian Pelajaran sendiri tak mau menerima pendaftaran sekolah itu, sebab satelah saya menyelidik yang konon-nya berpuncha dari satu salah sangka yang mana sekolah itu di-dirikan sa-waktu PAS memerentah dan oleh kerana PAS hendak menunjukkan jasa-nya kepada ra'ayat maka di-mintalah kapada Kerajaan Persekutuan untuk meng'itirafkan-nya.

Yang sa-benar-nya sekolah itu ada 33 buah semenjak Yang Berhormat Enche' Mohamed Khir Johari menjadi Menteri Pelajaran dahulu dan kami telah meminta supaya sekolah<sup>2</sup> itu di-daftarkan semenjak Kerajaan Perikatan memerentah lagi sahinggakan tiang-nya sudah lapok dan berganti dua tiga kali. Apa yang kami kesalkan dalam soal

ini ia-lah tidak di-terima oleh Kementerian Pelajaran berhubung dengan pendaftaran 33 buah Sekolah Ra'ayat itu yang sekarang ini menunggu keruntahan dan kerobohan, tetapi di-sebaleknya pula menerima beberapa puloh buah Sekolah Ra'ayat yang berada dalam negeri Kedah. Dengan Yang demikian kami meminta supaya keadilan di-jalankan dan jangan-lah oleh kerana sa-suatu perkara yang bersangkutan dengan politik maka menyebabkan penganiayaan terhadap beberapa gulongan manusia yang tidak bersalah.

Akhirnya sekali saya hendak berchakap tentang Menteri Pelajaran itu sendiri yang mana saya berharap pada masa yang akan datang, bukan-lah kami rasa takut kata<sup>2</sup>-nya itu—tidak dan sa-bagai Menteri Pelajaran tentulah sa-bagai sa-orang politik yang mesti berchakap di-mana<sup>2</sup> tempat sekali pun. Ini kami tidak menghalang walau Menteri mana sekali pun yang hendak berchakap tentang politik, baik pada waktu siang, malam—gasak, sesiapa pun boleh. Tetapi kami tidak mahu alat negara ini di-gunakan di atas nama politik kerana kepentingan, kalau hendak datang ka-negeri Kelantan—bukan atas nama Menteri Pelajaran datang-lah ka-sana atas urusan parti, tetapi sakira-nya atas nama Menteri Pelajaran memanggil guru<sup>2</sup>, kaum mesti masuk UMNO, kalau tidak . . . .

**Mr. Speaker:** Jangan di-ulang<sup>2</sup>kan lagi! Sudah beberapa kali di-bangkitkan.

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, kerana chara-nya yang memaksakan berbuat demikian itu tidak-lah patut di-lakukan pada masa yang akan datang. Saya berharap kapada Menteri yang berkenaan dan kapada Menteri<sup>2</sup> yang lain supaya jangan-lah hendaknya di-jadikan soal ini sa-bagai soal pokok, tetapi di-jadikan sa-bagai soal yang kecil sahaja dan usaha<sup>2</sup> kerja yang akan di-laksanakan itu sa-benarnya ia-lah untuk menjayakan negeri dan keselamatan-nya.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, kerana masa hanya ada 5 minit lagi dan saya percaya dalam masa yang pendek ini saya akan berchakap dengan sa-berapa

rengkas sahaja berhubung dengan Anggaran Kementerian Pelajaran ini. Pertama sekali saya suka hendak menguchapkan tahniah pada suatu masa yang akan datang sa-kira-nya benar apa yang di-chakapkan oleh wakil Menglembu tadi yang mana dia akan bekerja suka-rela untuk bersama<sup>2</sup> menjayakan dalam perkara menjayakan Bulan Bahasa Kebangsaan. Ini saya rasa tentu-lah senang kita fahamkan tetapi berbalek semula kalau di-kaji kapada perkara yang kita sama<sup>2</sup> tuju-kan sekarang ini yang menjadi satu bahasa sahaja yang rasmi, bahasa Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang maseh di-perjuangkan oleh wakil itu. Mari-lah kita tunjukkan kalau benar<sup>2</sup> dalam soal ini dengan tidak berbelit<sup>2</sup> dari satu soal kepada soal yang lain.

Muka 124, sub-head 70—Aid to Non-Government Muslim Religious Schools. Ini pun kalau benar-lah yang Bantuan kapada Sekolah<sup>2</sup> Ugama itu di-tarek kerana sa-suatu sebab yang tak betol, maka tentu-lah kita bersusah hati juga kapada pelajaran yang di-beri kepada murid<sup>2</sup> itu, tetapi sa-bagaimana yang saya ketahui bahawa masa mendaftarkan sekolah<sup>2</sup> itu mereka di-kehendaki memenohi borang<sup>2</sup> yang disediakan dan kelalaian bagi pehak yang menjalankan sekolah<sup>2</sup> itu patut sangat memberi fahaman yang sung-goh<sup>2</sup> dan kalau ada sa-suatu perkara yang tak memuaskan umpama-nya tentu-lah tak boleh kita menyalahkan kapada satu pehak sahaja mengatakan bahawa bantuan itu di-tarek balek kerana sentiment. Pada fahaman saya dalam soal pelajaran ini bukanlah untuk sesiapa, tetapi ia-lah untuk semua orang di-mana kita bersama<sup>2</sup> bertanggong jawab dalam perkara ini

dan elok-lah kita sama<sup>2</sup> memerhatikan supaya jangan-lah hendak-nya sekolah itu di-buat tempelak sahaja untuk politik. Ini saya menyaksikan sendiri pada masa dahulu.

Muka 123, sub-head 41 (2) Grants to Secondary Schools. Kita semua faham bahawa Kementerian ini telah melebihkan Anggaran Perbelanjaan-nya dalam tahun 1961 dan sa-bagaimana yang di-katakan oleh wakil Kelantan Hilir tadi kita hendak mengikut langkah perkembangan masa yang lalu di-mana kita maseh lagi mengutamakan kapada kawasan luar bandar. Sepatutnya kalau boleh biar-lah berchakap dengan lebeh baik sadikit, kerana setahu saya dasar yang sekarang ini atau dasar yang kita binchangkan ini sememang-nya di-kampong<sup>2</sup> atau di-ka-wasan luar bandar itu di-utamakan terlebeh dahulu dan sudah banyak Sekolah<sup>2</sup> Pertukangan yang sudah di-anjorkan oleh Kerajaan yang semakin hari semakin bertambah, tetapi kalau kita hendak dirikan Sekolah Menengah yang baik di-hujong kampong yang tak ada orang tentu kita pun tak suka. Selain daripada itu saya ingin menguchapkan terima kaseh kapada anggaran yang telah di-beri peruntukan kapada guru<sup>2</sup> ugama yang mengajar di-Sekolah<sup>2</sup> Rendah dan Sekolah<sup>2</sup> Menengah yang mana akan mengun-tongkan kapada kita sekalian. Di-sebalek-nya kalau perkara ini sampai ka-Melaka maka tentu-lah bagi pehak di-sana menguchapkan setinggi<sup>2</sup> terima kaseh yang mana perjalanan ugama di-sekolah<sup>2</sup> Melaka tidak ada langsung di-jalankan se secara rasmi, melainkan se secara sambilan sahaja di-ajar oleh guru<sup>2</sup> lepasan Maktab Perguruan.

*Adjourned at 4.30 p.m.*